

**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS**

**PENGGAL KEDUA**

**MESYUARAT KETIGA**

---

**Shah Alam, Isnin 16 November 2009**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

YB Tuan Teng Chang Khim (Sungai Pinang)  
**(Tuan Speaker)**

YAB Tan Sri Dato' Abdul Khalid bin Ibrahim  
PSM., DPMS., DSAP. (Ijok)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

YB Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

YB Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali  
DIMP., SMS. (Gombak Setia)

YB Tuan Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

YB Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

YB Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

YB Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

YB Tuan Iskandar bin A. Samad (Cempaka)

YB Tuan Liu Tian Khiew (Pandamaran)

YB Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

YB Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)  
**(Timbalan Speaker)**

YB Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar (Bangi)

YB Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

YB Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)

YB Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman (Meru)

YB Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

YB Tuan Mat Shuhaimi bin Shafie (Seri Muda)

YB Tuan Lee Kim Sin (Kajang)

YB Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

YB Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)

YB Tuan Yap Lum Chin (Balakong)

YB Tuan Muthiah a/l Maria Pillay (Bukit Melawati)

YB Tuan Phillip Tan Choon Swee (Teluk Datuk)

YB Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

YB Tuan Amiruddin bin Shari (Batu Caves)

YB Tuan Dr. Cheah Wing Yin (Damansara Utama)

YB Tuan Manoharan a/l Malayalam (Kota Alam Shah)

YB Puan Lee Ying Ha (Teratai)

YB Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)

YB Puan Gan Pei Nei (Rawang)

YB Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y. B. Dato' Seri Dr. Haji Mohamad Khir bin Toyo,  
SPMS., PJK. (Sungai Panjang)

YB Dato' Dr. Haji Mohamed Satim bin Diman,  
DSSA., KMN., ASA., PJK. (Seri Serdang)

YB Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,  
DSSA., AMS., AMN., PJK. (Sungai Air Tawar)

YB Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,  
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK., JBM., (hc). (Sementa)

YB Dato' Hj. Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,  
DPMS., SSA. (Sungai Burong)

YB Dato' Dr. Karim bin Mansor,  
DPMS., ASA., PJK. (Tanjung Sepat)

YB Dato' Amiruddin Setro, DPMS., ASA. (Jeram)

YB Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor  
DPMS., KMN., AMN., ASA. (Paya Jaras)

YB Tuan Hasiman bin Sidom,  
PJK. (Morib)

YB Dato' Haji Warno bin Dogol, DSIS., AMS., SMS., PJK. (Sabak)

YB Dato' Marsum bin Paing, DPMS., SSA., ASA. (Dengkil)

YB Dato' Subahan bin Kamal, DIMP. (Taman Templer)

YB Tuan Abdul Shukur bin Idrus, KMN., SIS., ASBK. (Kuang)

YB Tuan Johan bin Abdul Aziz. JP., AMS. (Semenyih)

YB Tuan Mohd Isa bin Abu Kasim, AMS. (Batang Kali)

YB Tuan Yap Ee Wah, PJK. (Sungai Pelek)

YB Tuan Wong Koon Mun, SMS., PJK. (Kuala Kubu Baharu)

YB Tuan Sulaiman bin Haji Abdul Razak, SMS., PPN. (Permatang)

YB Tuan Ismail bin Sani. SMS., PJK. (Dusun Tua)

YB Tuan Badrul Hisham bin Abdullah (Pelabuhan Klang)

**TIDAK HADIR**

YB Tuan Dr. Mohd. Nasir bin Hashim (Kota Damansara)

YB Tuan Edward Lee Poh Lin (Bukit Gasing)

YB Dato' Dr. Haji Mohamed Satim bin Diman,  
DSSA., KMN., ASA., PJK. (Seri Serdang)

YB Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,  
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK., JBM., (hc). (Sementa)

YB Dato' Subahan bin Kamal, DIMP. (Taman Templer)

YB Tuan Johan bin Abdul Aziz. JP., AMS. (Semenyih)

YB Tuan Sulaiman bin Haji Abdul Razak, SMS., PPN. (Permatang)

**TIDAK HADIR**

Y. B. Dato' Seri Dr. Haji Mohamad Khir bin Toyo,  
SPMS., PJK. (Sungai Panjang)

**( Menjalani hukuman digantung tugas sebagai ADUN selama satu (1) tahun mengikut keputusan Dewan Undangan Negeri Selangor pada 15 Julai 2009 )**

YB Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,  
DSSA., AMS., PJK. (Hulu Bernam)

YB Dato' Haji Warno bin Dogol, DSIS., AMS., SMS., PJK. (Sabak)

YB Dato' Marsum bin Paing, DPMS., SSA., ASA. (Dengkil)

YB Tuan Mohd Isa bin Abu Kasim, AMS. (Batang Kali)

**( Menjalani hukuman digantung tugas sebagai ADUN selama enam (6) bulan mengikut keputusan Dewan Undangan Negeri Selangor pada 15 Julai 2009 )**

**TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

YB Dato' Ramli bin Mahmud, DPMS., SMS. A.M.S  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

YB Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.  
**Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor**

YB Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman, DSIS., SIS., AMS., AMN.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Encik Mohamad Yasid bin Bidin  
**Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)**

Encik Mohd. Shahrizal bin Mohd. Salleh  
**Ketua Penolong Setiausaha**

Cik Mazian bt. Manan  
**Penolong Setiausaha I**

Puan Noor Diana bt. Razali  
**Penolong Setiausaha II**

Puan Nurul Haizan bt. Hj. Rais  
**Penolong Setiausaha III**

Puan Siti Salbiah bt. Masri  
**Penolong Pegawai Tadbir**

Encik Md. Saref bin Salleh  
**BENTARA**

Puan Hajah Noridah binti Abdullah  
Cik Siti Salina bt. Muftar  
**PELAPOR PERBAHASAN**

**(Tuan Speaker Mmpengerusikan Mesyuarat)**

**TUAN SPEAKER:** Dewan disambung semula.

**SETIAUSAHA DEWAN:** *Bismillahi rahmani rahim* assalamualaikum w.b.r. dan salam sejahtera. Aturan urusan mesyuarat bagi mesyuarat ke 3 penggal kedua persidangan dewan negeri Selangor yang ke 12 dimulakan dengan bacaan doa.

**I. DOA**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan urusan mesyuarat selanjutnya pertanyaan-pertanyaan sambungan .

**II. PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**TUAN SPEAKER:** Subang Jaya

**YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN:** Tuan Speaker, soalan no. 66.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN  
(SUBANG JAYA)**

**TAJUK: DENGGI**

66. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila berikan statistik kes denggi mengikut PBT bagi tahun 2008 dan 2009.
- b) Adakah Kerajaan Negeri menjalankan kajian menyeluruh untuk mengatasi denggi? Jika ya, nyatakan cadangan tersebut dan jika tidak, sila berikan sebab mengapa kajian tidak dibuat.
- c) Berapakah peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri untuk setiap PBT bagi tujuan pencegahan denggi?

**YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Tuan Speaker, pada tahun 2008, Majlis Perbandaran Shah Alam mencatatkan jumlah kes tertinggi iaitu 3612 kes. Diikuti dengan Majlis Perbandaran Kajang dengan 3210, Majlis Perbandaran Klang 2466, Majlis Perbandaran Subang Jaya 2061, Majlis Perbandaran Ampang Jaya 1709, Majlis Perbandaran Petaling Jaya 1429 dan Majlis Perbandaran Selayang 708 kes. Pada tahun 2009 sehingga bulan Oktober yang akhir, Majlis Perbandaran Shah Alam mencatatkan jumlah kes tertinggi iaitu 2295 kes, ini diikuti Majlis Perbandaran Subang Jaya dengan 1733 kes. Majlis Perbandaran Klang 1733 kes juga, Majlis Perbandaran Ampang Jaya 1581 kes, Majlis Perbandaran Klang 1408 kes, Majlis Bandar raya Petaling Jaya 1116 dan Majlis Perbandaran Selayang 466 kes. Di antara kajian-kajian yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Kesihatan negeri untuk memperkuatkan dan menilai aktiviti kawalan nyamuk aedes adalah berikut ;

i) Kajian *adult aedes mosquito insecticide resistant*. Kajian ini telah dilaksanakan di beberapa daerah secara giliran semenjak beberapa tahun dahulu. Keputusan kajian-kajian yang telah dilaksanakan menunjukkan *MILD adult insecticide resistant less*, aa...kurang dari 30% kepada tindakan susulan merupakan pergiliran penggunaan jenis racun untuk aktiviti *foraging* supaya kekebalan nyamuk aedes kepada racun serangga yang digunakan berada di taraf yang rendah dan tidak menjejaskan keberkesanan aktiviti *foraging* yang dijalankan. Kajian *reversion of clinical practise guideline (CGP) in denggi management in adult*. Kementerian Kesihatan Malaysia telah menubuhkan jawatankuasa teknikal untuk menilai keberkesanan protokol rawatan pesakit denggi di hospital Malaysia dengan tujuan mengurangkan kadar kematian pesakit disebabkan oleh demam denggi. Hasil jawatankuasa teknikal ialah penerbitan CGP in denggi *management adult*, edisi kedua yang dilancarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia pada bulan Januari 2009. Semenjak pelancaran itu Kementerian dengan bantuan persatuan doktor lain seperti *Malaysian Medical Association, Private Hospital Organisation*, dan *Akademi your medicine Malaysia* telah giat melaksanakan latihan semula semua doktor di klinikal aa...di klinik, hospital kerajaan dan swasta. Diharapkan dengan menggunakan kaedah baru, klinikal denggi *management* ini kadar kematian pesakit denggi di Malaysia dapat diturunkan kepada taraf yang rendah. Kajian *ovetrip evaluation*, kajian ini dijalankan secara berkala oleh Jabatan Kesihatan Negeri Selangor untuk menilai keberkesanan aktiviti *foraging* dan pemusnahan tempat pembiakan nyamuk, *source rejection* secara objektif. Hasil daripada kajian-kajian ini digunakan untuk memantapkan, aa...memantapkan, memantapkan aktiviti kawalan nyamuk aedes dan jugak menggubal dan menilai aa...berkesanan strategi kawalan denggi yang berbeza. Kerajaan Negeri tidak memperuntukkan sebarang peruntukan kepada PBT untuk tujuan pencegahan denggi, walau bagaimana pun setiap PBT menerima peruntukan terus daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, bagi kawalan rektor untuk pembelian racun dan mesin *foraging* untuk program basmi denggi.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan

**YB TUAN NG. SUEE LIM:** Soalan tambahan. Saya ingin minta sedikit penjelasan daripada YB Exco, baru-baru ini ada dakwaan yang mengatakan bahawa aa...merebaknya aa...penyakit denggi ini di kawasan Sabak Bernam, ada berkaitan dengan rumah burung walit, aaa...salah satu punca tempat pembiakan nyamuk aedes. Jadi saya mintak penjelasan daripada YB adakah pihak kerajaan mengenal pasti dan membuat siasatan terhadap perkara tersebut. Terima kasih.

**YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Aa... terima kasih Sekinchan. Memang soalan tu telah dibangkit di dalam mesyuarat-mesyuarat STANCO Kesihatan, dan saya telah menurun kepada beberapa kawasan yang katakan, adakan rumah burung, burung ini, dan saya pun masuk beberapa tempat.. aah.. (ketawa) . Kita mendapat bahawa aa...ada jugak, aa... dari *percentage* nya kita boleh katakan ada juga, tempat-tempat yang kita nampak, dia sebab ada air di dalam dan ada. Tetapi pegawai kesihatan kita, aa...melalui, pejabat kesihatan dan PBT telah diarahkan untuk masuk kepada tempat-tempat ini, untuk *check* dengan kualiti air di dalam dan juga ada ke tiada nyamuk yang berada, kalau ada mereka akan di kompaun dan lepas itu kalau tidak ada berkesan ataupun dia tak tukar caranya, saya telah arahkan semua PBT dan pegawai daerah dan juga Jabatan Kesihatan untuk ambil tindakan-tindakan yang sesuai. Memang ada. Kita tidak boleh mengakui bahawa tiada tetapi bukanlah begitu besar dari tempat-tempat perumahan di dalam bandar-bandar yang kita hadapi sekarang.

**YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Aaa.. soalan tambahan.



**TUAN SPEAKER:** Aa..Hulu Kelang

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Dalam pengurusan denggi terdapat jabatan kesihatan daerah dan jabatan yang berkaitan di PBT, apakah bentuk penyaluran di antara keduanya dan siapa dengan izin '*call the short*' sekiranya berlaku masalah-masalah yang kritikal.

**YBTUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Tuan Speaker dan Hulu Kelang, bila denggi ada sesebuah tempat di mana kita katakan ada *chaste infection*. aa..di mana tempat itu kita dapat beberapa kes yang telah dilaporkan kepada pegawai kesihatan daerah, lepas itu pegawai itu akan bermesyuarat dengan pegawai kesihatan dari PBT dan mereka akan bersama-sama melancarkan program untuk turun kepada kawasan itu untuk aa..a.ada beberapa aa...tindakan yang boleh diambil iaitu *foring, checking* dengan ahli-ahli PBT dan pegawai kesihatan di dalam kawasan dan sampai kita a..menurunkan kes-kes di dalam kawasan itu, dia punya kawalan akan ambil masa dekat dengan satu minggu begitu. Tetapi bila kita ada satu-satu *out break* di dalam satu kawasan yang besar, kita kumpulkan semua pegawai dari seluruh negeri Selangor untuk satu-satu tempat, aa..dari pegawai-pegawai kesihatan yang ada dari daerah-daerah yang lain, kita guna kan kakitangan kita dari beberapa PBT yang kan turun di dalam satu kawasan. So, kerjasama di antara pegawai kesihatan daerah dengan PBT-PBT memang aa..ada satu kefahaman di mana dua-dua bekerja bersama untuk menurunkan kes-kes denggi di dalam kawasan-kawasan tertentu. (Batuk)

**TUAN SPEAKER:** Sijangkang.

**YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih. Aaa..saya dapati bahawa kes-kes denggi ini sekarang ini banyak juga berlaku di kawasan-kawasan kampung. Dan kalau saya bandingkan di Kuala Langat sendiri, kes-kes di kawasan kampung ini melihatkan pertambahan yang agak, agak tinggi kalau dibandingkan sebelum-sebelum ini walau pun kita tahu sebelum ini kita kendali kes-kes denggi ini adalah penyakit orang-orang bandar. Soalan saya, adakah Kerajaan Negeri Selangor aaa...ada bercadang untuk membuatkan satu diagnosis yang lebih tepat kerana sekarang ini secara amnya diagnosis adalah secara klinikal dan pemeriksaan darah terutamanya aa...daripada segi bilangan *platelet* di dalam kandungan darah itu. Adakah kerajaan Selangor mahu mengadakan satu bentuk pemeriksaan yang lebih tepat secara serologi untuk menentukan jenis penyakit ini yang sah adalah penyakit demam denggi ini supaya statistik kita akan menunjukkan satu statistik yang lebih tepat dan mungkin, saya tak tahu kalau ada satu bentuk *strain* yang baru kepada virus ini ke kampung-kampung yang mungkin ada caranya untuk kita mengatasi ataupun mungkin adalah penyakit denggi *like fever* yang disebabkan oleh virus, virus yang lain daripada yang menyebabkan demam denggi ini.

**YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Terima kasih aa.. Sijangkang. Untuk statistik yang terkini untuk Kuala Langat a..kes denggi untuk minggu episod 43, aa 2009, 4, 7 saja dan *accumulative* nya untuk tahun 2009 di Kuala Langat ialah 404 ya, kematian 1 di dalam daerah Kuala Langat ya. Kalau kita banding dengan gombak, 1836 kematian 10 di gombak, Kuala Langat, Hulu Langat memang tinggi, 1 ribu lebih, Subang Jaya yang saya katakan tadi. Tetapi aa...kita sekarang..aa..a caranya yang kita buat ialah bila seseorang membawa simpton-simpton untuk mengadakan *fever* dengan keturutan dua tiga hari, mereka dihantar ke hospital dari klinik swasta untuk ambik darah. Mereka akan melalui darah, yang dikatakan oleh Jijangkang *plate blood laketown* akan dikaji dan mereka kalau tidak turun beberapa banyak macam itu, mereka akan dihantar di rumah. Dan lepas *every 24 hours* mereka akan ajak pulang balik untuk ambik darah untuk tinggi *blood cloud* dia dan kalau teruk dia akan terus masuk ke hospital sebab tak cukup katil-katil di hospital untuk kes-kes denggi

yang kita ada keseluruhan negeri Selangor di semua hospital di negeri Selangor. *If there...aa...dengan izin, if there is all break, all hospital a not or do not enough bed.* Tak de cukup katil di dalam hospital. So kita kena buat rawatan di dalam peringkat yang ada. Tapi soalan untuk serologi itu memang untuk kes-kes yang masuk ke dalam hospital lah, itulah di mana *serologi are done*, tetapi bukan segi *random* dia, bila mereka datang saja dengan *fever* begitu tinggi dan ada kalau *flat blood count* dia turun sedikit, kita tidak membuat serologi sebab kos dia tinggi dan itu tidak boleh didi...*dipaymentkan* oleh Kerajaan Negeri. Itu ialah tanggungjawab Kementerian Kesihatan Malaysia. Terima kasih

**TUAN SPEAKER:** Dusun Tua. Tidak hadir.

**TUAN SPEAKER:** Sg. Air Tawar.

**YB DATO' RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan yang ke 68.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB DATO' HAJI RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD  
(SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK: DASAR JAMINAN MAKANAN**

68. Kerajaan Persekutuan telah melancarkan Dasar Jaminan Makanan untuk memastikan negara mempunyai bekalan makanan yang mencukupi dan bersedia ketika menghadapi krisis ekonomi.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Bagaimanakah penerapan dan pelaksanaan Dasar Jaminan Makanan ini di peringkat Negeri Selangor?
- b) Apakah inisiatif Kerajaan Negeri melalui anak syarikatnya untuk menambah sumber-sumber makanan?
- c) Apakah jenis-jenis tanaman yang berpotensi untuk diusahakan oleh pekebun kecil bagi menjamin bekalan makanan yang cukup untuk masyarakat luar bandar?

**YB TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Ketawa...Minta Maaf, soalan no. 8 berkaitan dengan dasar jaminan makanan. No.8 ni Sg. Air Tawar ni. No. 8 patut Sg. Tawar soalan ni.

**TUAN SPEAKER:** 68.

**YB TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Penerapan dan pelaksanaan dasar jaminan bekalan makanan DJBM oleh kerajaan persekutuan dilaksanakan di negeri Selangor menerusi agensi dan jabatan di bawah Kementerian Pertanian, dan Industri Asas Tani dan jabatan yang terlibat adalah jabatan pertanian, LPP, Jabatan Veterinar, Jabatan Pertanian, MARDI, Lada berlaut dan lain-lain lagi. DJBM yang mengandungi beberapa komponen utama mula dilaksanakan pada tahun 2008. Dasar ini diadakan dengan dua tujuan utama iaitu meringankan beban petani akibat dari peningkatan mendadak kos pengeluaran bahan makanan, serta meningkatkan hasil pengeluaran makanan negara. Komponen yang terlibat dalam program tersebut adalah seperti berikut :

- i) Pelaksanaan bumi hijau
- ii) Pembangunan tanah terbiar
- ii) Pelan peningkatan pengeluaran beras

Selain dari program-program di bawah DJBM ini, Jabatan Pertanian Negeri Selangor juga memulakan program peningkatan hasil padi yang khas dilaksanakan di kawasan Sabak Bernam dan Kuala Selangor yang bertujuan meningkatkan pengeluaran beras dengan menekankan kaedah pengurusan pengeluaran padi dan kaedah penanaman yang baik.

Bagi soalan yang kedua, PKPS membantu kerajaan negeri dengan melaksanakan projek-projek berikut. Penanaman ubi kayu di Sungai Balkan, daerah Sepang seluas 110 ekar. Penanaman ubi kayu di Mukim Ulu Tinggi, daerah Kuala Selangor seluas 50 ekar, penanaman nenas di Mukim Ulu Tinggi daerah Kuala Selangor seluas 50 ekar, penanaman tebu di Bukit Api-api daerah Kuala Selangor seluas 20 ekar. Perancangan bagi tahun 2010 adalah untuk menambah keluasan penanaman yang sedia ada. PKPS juga terlibat secara langsung dalam membekalkan benih ikan keli dan tilapia kepada penternak-penternak ikan. Selain turut menghasilkan dan membekalkan ikan tilapia ke pasaran tempatan. Bagi soalan ketiga, jenis tanaman makanan yang berpotensi bagi pekebun kecil adalah bergantung kepada faktor berikut :

- i) Kesesuaian tanaman di kawasan terlibat. Kesesuaian ini adalah bergantung kesesuaian tanah dan perancangan awal yang telah dibuat di bawah pelan pertanian Negeri Selangor seperti penanaman buah-buahan di Hulu Selangor dan Hulu Langat.
- ii) Umbisi di daerah Sepang dan Kuala Langat serta sayuran di daerah Hulu Selangor. Keperluan pasaran di persekitaran kawasan yang ingin di usahakan seperti keperluan industri asas tani dan juga pasaran-pasaran di sekitar.
- iii) Kemampuan pengusaha iaitu kewangan dan teknologi.

Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Air Tawar.

**YB DATO' RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD:** Tuan Speaker, terima kasih kepada YB EXCO. Soalan tambahanlah, adakah kajian terperinci dibuat atau data-data disediakan untuk memudahkan pemantauan daripada segi mengenai keperluan asas anggaran, keperluan asas bagi rakyat di Negeri Selangor dan yang kedua, kalau prioriti di Selangor tidak mencukupi agaknya bagaimana tindakan dibuat dan kalau beras di keluarkan sebanyak 200,000 ribu metrik tan satu tahun ia mencukupi untuk rakyat yang berapa ramai dan kalau ada 50.7 juta berapa ramai mungkin yang diperlukan oleh Selangor dan apakah tindakan. Adakah tindakan kerajaan ia bercadang untuk menetapkan rakyat Selangor makan nasi sehari sekali oleh kerana kalau sehari sekali itu dia boleh mencukupi untuk rakyat Negeri Selangor bahkan boleh eksport lagi dan apakah rancangan kerajaan untuk ini.

**YB TUAN HJ. YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Speaker, keseluruhan keperluan makanan Negeri Selangor untuk 5.2 juta penduduk telah saya jelaskan dalam sesi penggulungan yang lalu. Malangnya Sungai Air Tawar tidak berada di dalam dewan ketika saya membuat penggulungan. Dasar makanan ialah untuk seluruh rakyat Malaysia. Saya sebutkan bahawa sebahagian besar daripada keperluan memang masih rendah. Contohnya kita perlukan 60% –

70% untuk padi. Ini dasar makanan, ialah dasar keseluruhan Negeri Selangor. Tuan Speaker, tahun 2008 saya menghadiri mesyuarat bersama dengan Menteri Pertanian untuk memastikan dasar ini dilaksanakan dan bagaimana kita nak pastikan keseluruhan negara mendapat cukup makanan. Tetapi malangnya bila Menteri bertukar saya tidak lagi dipanggil untuk bermesyuarat dengan Menteri di pusat untuk memastikan perbincangan keseluruhan penghasilan makanan dihasilkan. Jawapan daripada Sungai Air Tawar bahawa Selangor tidak mampu untuk menghasilkan keseluruhan keperluan makanan untuk 5.2 juta rakyat negeri ini dan masih lagi kita import daripada luar Selangor ataupun import luar. Dasar pertanian Negeri Selangor ialah menghasilkan dasar-dasar pertanian moden, kawasan yang sempit dan hasil yang tinggi. Kawasan 30% yang ada di Negeri Selangor untuk pertanian tidak mencukupi untuk penghasilan makanan untuk Negeri Selangor. Satu dasar ini mestilah dasar menyeluruh untuk dilihat seluruh kementerian di seluruh Malaysia.

**TUAN SPEAKER:** Seri Setia.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Tuan Speaker soalan No. 69.

**PERTANYAAN- PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD  
(SERI SETIA)**

**TAJUK: MAHASISWA DAN KEBEBASAN AKADEMIK**

69. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah dasar pengajian tinggi di Selangor bagi memastikan pengajian tinggi di Selangor kompetitif dan berdaya saing?
- b) Adakah mahasiswa dan ahli akademik diberikan ruang secukupnya di dalam mempraktikkan ilmu serta mengembangkan wacana akademik di universiti?

**YB PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI:** *Assalamualaikum wbt.* Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih kepada Seri Setia. Dasar pengajian tinggi di Negeri Selangor bagi memastikan pengajian tinggi di Selangor kompetitif dan berdaya saing adalah seperti berikut :-

- i) Mendapatkan akreditasi dari *Malaysian Qualification* Agensi atau Jabatan Sumber Manusia daripada institusi dalam dan luar negara.
- ii) Memastikan agar pensyarahnya sentiasa mempertingkatkan kelayakan masing-masing dan bergiat cergas dalam diskusi ilmu dan melibatkan diri dalam program jejak ilmuwan Selangor.
- iii) Institusi-institusi tersebut digalakkan menjalinkan hubungan pintar dengan pihak industri agar kursus-kursusnya menjurus kepada keperluan industri
- iv) Membangunkan kurikulum dan ko-kurikulum yang berteraskan nilai-nilai universal yang murni
- v) Menawarkan perkhidmatan pendidikan tinggi yang bertaraf global
- vi) Menerapkan konsep kesepaduan ilmu berdasarkan visi, misi dan falsafah universiti

- vii) Membangunkan kurikulum berdasarkan keperluan industri daripada segi teori dan praktikalnya
- viii) Melakukan semakan semula kurikulum setiap 3 tahun secara menyeluruh
- ix) Memastikan kurikulum dan perkhidmatan yang ditawarkan sentiasa dengan izin “*comply*” dengan pelan strategik pengajian tinggi negara
- x) Membina jaringan kerjasama akademik dan profesional dengan universiti-universiti terkenal dalam dan luar negara
- xi) Mempraktikkan SPIES dalam semua kegiatan kokurikulum serta memasukkan input SPIES dalam kurikulum
- xii) Menjadikan bahasa Arab dan bahasa Inggeris sebagai medium penghantar dalam proses pengajaran dan pembelajaran
- xiii) Memberikan pendedahan industri kepada para pelajar melalui kursus latihan industri.

Soalan kedua, adakah mahasiswa dan ahli akademik sentiasa cukup diberikan ruang cukup dalam mempraktikkan ruang ilmu serta mengembangkan wacana akademik di universiti. Di antara aktiviti-aktiviti untuk memastikan soalan yang ditimbulkan oleh Seri Setia ialah supaya mahasiswa dan ahli akademik mempraktikkan ilmu serta mengembangkan wacana akademik di universiti. Pertama penyertaan dalam seminar-seminar kebangsaan dan antarabangsa terbuka kepada para pelajar dan ahli akademik. Ini saya nak tekankan lagi semua mahasiswa dan para ahli akademik di seluruh Selangor ini kita mahu mereka muncul ke depan berani bersama-sama dalam seminar-seminar ilmiah dan menonjolkan potensi-potensi mereka supaya mereka ini benar-benar boleh dipanggil ilmuwan dan orang ilmiah yang menggunakan akal fikiran mereka secara maksima.

Kedua penglibatan dalam penulisan dan penerbitan jurnal prosiding, buletin dan lain-lain. Ketiga mengadakan program bicara intelek. Keempat penglibatan dalam program-program ilmiah seperti panel, forum, ceramah, peserta bengkel, panel penggubal dan lain-lain. Kelima pelantikan sebagai panel penasihat atau ahli jawatankuasa dalam industri atau agensi tertentu. Keenam menawarkan khidmat perundingan akademik kepada mana-mana agensi dan jabatan kerajaan mahupun anak-anak syarikat kerajaan. Ketujuh mewujudkan peluang-peluang melakukan penyelidikan dan kajian tertentu yang bersesuaian dengan kepakaran akademik masing-masing. Kelapan mengadakan program usrah kakitangan dan pelajar. Kesembilan menyediakan tempat sebagai dengan izin “*speaker corner*” untuk mahasiswa berkongsi ilmu di antara mereka. Kesepuluh, memperbanyakkan program-program kemasyarakatan dan sosial seperti desa wawasan IPT. Kesebelas, membuat pertukaran pelajar dan ahli akademik ke luar negara. Kedua belas, menggalakkan mahasiswa menyumbang kepada masyarakat sebagai contoh menjadi imam di masjid atau kariah, program khidmat masyarakat jadi anak angkat dan sebagainya. Ketiga belas menjadikan masjid kampus *centre of knowledge* dengan izin. Keempat belas, menjalinkan kerjasama dengan persatuan-persatuan IPT-IPT lain, NGO dan badan-badan gabungan yang lain. Keenam belas, penubuhan persatuan-persatuan kaki tangan akademik, kakitangan pentadbiran dan juga koperasi kakitangan. Ketujuh belas, mewajibkan latihan praktikal di syarikat-syarikat yang relevan untuk para pelajar mempraktikkan ilmu mereka. Kelapan belas, setiap program yang dilaksanakan diwajibkan mempunyai penasihat akademik daripada universiti lain dan penasihat daripada syarikat-syarikat atau

badan profesional. Kesembilan belas, seperti yang telah saya sebutkan kita sudah pun mengujudkan majlis muafakatan mahasiswa Selangor di mana, mahasiswa daripada pelbagai institusi pengajian tinggi sama ada awam mahupun swasta boleh bergabung dan boleh mengtakwimkan program-program mereka untuk mencambahkan ilmu mereka, mempertingkatkan keupayaan mereka daripada segi akademik, daripada segi profesional daripada semua pelbagai segi termasuklah kemahiran sosial mereka. Terima kasih.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Tuan Speaker, soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Bangi.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Terima kasih Tuan Speaker. Untuk menjadikan tenaga pengajar dan mahasiswa kompetitif dalam pembelajaran dan memerlukan keselesaan dalam hidup mereka, tahukah EXCO Pendidikan Tinggi 2 – 3 minggu yang lepas pelajar-pelajar di KUIS telah menunjuk perasaan kerana bayaran terlampau tinggi di KUIS. Mereka membandingkan bagi pelajar di UiTM, mereka diberikan lebih RM600 sebulan untuk mereka belanja tiap-tiap hari, tetapi pelajar-pelajar di KUIS tidak ada lebih yang mencukupi untuk mereka hidup harian. Sebab itu mereka menunjuk perasaan. Perkara ini saya telah bangkit dalam soalan yang lepas soalan lisan juga dulu tapi telah ditunjukkan bahawa kononnya KUIS ini tidak begitu tinggi bayaran. Mahasiswa di sana menderita ada yang berjumpa saya memberitahu mereka agak teruk dari segi apa ni kewangan. Jadi ada ke pihak EXCO pengajian tinggi ada ambil perhatian ini, kalau ada ambil perhatian apa cara nak atasinya. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Saya rasa soalan ini dah menyimpang daripada soalan pokok ni. Ini tak ada kena mengena.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Tentatif dan keselesaan dalam pembelajaran.

**TUAN SPEAKER:** Tapi ini soal akademik, ruang secukupnya untuk mempraktikkan ilmu.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Ya lah ertinya kalau dia lapar perut dia nak macam mana bergiat nak maju nak kompetitif pun duduk fikir apa perut lapar saja, tak cukup wang.

**TUAN SPEAKER:** Itu jauhlah daripada soalan. Saya tak benarkan.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Tapi, barangkali perlu diberi jawapan untuk makluman dan jawapan bagi pelajar juga yang apa ni dia datang mengadu pada saya.

**TUAN SPEAKER:** Ini sepatutnya dibawa dalam perbahasan bajet dan soalan-soalan tambahan. Tapi tak ada kena mengena dengan soalan pokok, bertentangan dengan Peraturan Tetap 23. Jadi saya tolak soalan ni. Teluk Datuk.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Tapi tak apa saya dah sampai maklumatnya.

**TUAN SPEAKER:** Ya. Betul.

**YB TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan nombor 70.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE  
(TELUK DATUK)**

**TAJUK: KUTIPAN HASIL KERAJAAN NEGERI**

70. Kerajaan Negeri telah menubuhkan satu *Task Force* Tanah. Salah satu tujuan *Task Force* ini ditubuhkan adalah untuk mengkaji kutipan hasil tanah.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri mengikut cadangan yang disediakan oleh *Task Force* Tanah? Jika tidak, mengapa?

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker, mengenai kutipan hasil negeri, adakah Kerajaan Negeri mengikut cadangan yang disediakan *Task Force* Tanah? Jika tidak, mengapa? Kita pernah mengadakan beberapa perjumpaan dengan pegawai-pegawai untuk meneliti cara kita dapat melaksanakan beberapa cadangan yang dibuat oleh *Task Force* Tanah. Ada cadangan yang utama, iaitu kita asingkan tugas pejabat Pegawai Daerah dan supaya ada Pegawai Daerah Khas hanya untuk tanah, sebagaimana dilaksanakan di negeri Johor. Walau bagaimanapun, perkara ini terpaksa dikaji keseluruhannya kerana ia memberi kesan terhadap struktur pentadbiran Pejabat Daerah yang ada sekarang.

Hasil yang paling penting untuk penstrukturan itu, pertama adalah mengenai pengurusan tanah dan di Selangor. Kedua, usaha untuk meningkatkan kutipan hasil. Daripada segi peningkatan kutipan hasil, perkara ini sudah dibincangkan dengan agak luas dalam bajet dan beberapa perbincangan mengenai operasi untuk kutipan. Maksudnya, kita mengadakan Ops Kutip, iaitu kita hendak mempercepat proses pendaftaran pemilikan tanah dan mengadakan kutipan dari rumah ke rumah untuk menentukan pembayaran dibuat. Terima kasih.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Tuan Speaker, soalan nombor 71.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR  
(BANGI)**

**TAJUK: RUMAH KEBAJIKAN DI NEGERI SELANGOR**

71. Negeri Selangor begitu prihatin terhadap rakyatnya terutama Warga Mas.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah rumah kebajikan kerajaan dan swasta di Negeri Selangor?
- b) Berapakah jumlah penghuni di rumah-rumah kebajikan tersebut?
- c) Apakah jenis bantuan yang diberi Kerajaan Negeri kepada rumah-rumah kebajikan tersebut?

**TUAN SPEAKER:** Kebajikan.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker, soalan mengenai rumah kebajikan di negeri Selangor. Jumlah rumah kebajikan di Negeri Selangor ini, 7 buah. Rumah kebajikan swasta yang menerima geran daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat pula sebanyak 36 buah. Bagi Pusat Penjagaan Harian Warga Emas yang terdapat di negeri Selangor, ada 3 buah rumah dan peruntukan geran yang sudah diluluskan sebanyak RM99,990 setahun.

Rumah kebajikan yang menerima bantuan Lembaga Zakat Selangor, sebanyak 38 buah, berdasarkan kapasiti penghuni rumah kebajikan tersebut. Secara keseluruhan, terdapat lebih 2,000 penghuni rumah kebajikan dalam tanggungjawab Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor di seluruh daerah dan lebih 1,000 orang penghuni rumah kebajikan dalam program bantuan Lembaga Zakat Selangor. Bilangan penghuni rumah kebajikan swasta sebanyak 424 orang. Taburannya seperti berikut: Taman Sinar Harapan Cheras, 19 orang; Taman Seri Puteri Cheras, 22 orang; Kompleks Penyayang Bakti, 51 orang; Bengkel Daya Kilang, 30 orang; Taman Sinar Harapan Kuala Kubu Baharu, 218 orang; Pusat Perkembangan Kemahiran Kebangsaan, 73 orang; Desa Bina Diri, 11 orang.

Masyarakat Selangor, boleh memperoleh manfaat daripada hasil bantuan pihak-pihak berkenaan. Terdapat 3 jenis bantuan kebajikan yang disediakan. Pertama, geran penyelenggaraan; kedua, geran pembaikan kerosakan; dan ketiga, geran pentadbiran. Bagi Lembaga Zakat Selangor sumbangan geran diberikan kepada 38 buah rumah kebajikan yang dikenal pasti sejak 2008.

Sebanyak RM20,000 minimum hingga RM50,000 maksimum diberikan setahun. Lembaga Zakat Selangor tidak terikat semula terhadap bantuan geran yang diberikan kepada rumah kebajikan sekiranya tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan bagi rumah kebajikan yang berdaftar dengan Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Negeri Selangor. Kemudahan pengecualian cukai juga diberikan kepada rumah kebajikan terbabit bagi menentukan ada syarikat-syarikat swasta yang boleh memberi sumbangan tersebut.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Bangi.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Terima kasih, Tuan Speaker mewujudkan rumah-rumah kebajikan kepada orang tua-tua ini. Tidak adakah kemungkinan kita wujudkan suatu rumah kebajikan yang bermodalkan pengajian pondok, macam dibuat di Pasir Tumbuh. Orang-orang tua yang minat nak mengaji kitab, mengaji agama dibuat pondok keliling dan ada tok guru-tok guru yang mengajar, jadi mereka dapat memenuhi masa mereka dari pagi hingga ke malam belajar sahaja dan mungkin beri kegiatan mereka berkebudun sikit daripada kita tanggung dia sahaja duduk di rumah ini, tidak semua orang-orang tualah, mana yang berminat ataupun memilih mengadakan tempat-tempat, saya ingat di sini di Jeram, ada model yang hampir-hampir sahaja di sini. Ertinya, orang tua-tua ni dia habiskan masa tua dia, masa emas dia tu dengan mengaji, mengaji kitab, beribadat, saya ingat ini lebih mengisi keperluan rohani orang-orang tua yang dekat nak mati tu daripada kita beri makan saja dia tunggu mati. Terima kasih.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih banyak. Cadangan itu agak rasional. Yang akhir tu saya tidak hendak bincangkan. Tetapi perkara yang saya hendak katakan di Indonesia banyak pengalaman daripada segi pesantren, iaitu terdapat rumah-rumah pondok untuk mereka yang ingin meneruskan ibadatnya. Namun, mereka menghadapi masalah penempatan



perumahan dan sebagainya. tetapi saya rasa, konsep untuk menentukan pelajaran *long live education* itu kita terima. Idea ini kita terima. Salah satunya bukanlah semestinya dia pergi duduk di sana tetapi ini untuk menentukan semua rakyat di Negeri Selangor sentiasa boleh belajar *that is long live education*. Kedua, saya berpendapat kita juga mesti memikirkan sekarang tentang terdapatnya peningkatan peratusan yang besar untuk warga emas dan pengalaman ini sudah dirasai dengan yang banyak di Jepun dan di Germany iaitu lebih 25 peratus daripada masyarakatnya sudah sampai ke peringkat tersebut. Oleh sebab itulah, perangkaan bagaimana untuk mencari penempatan untuk warga emas dapat diusahakan dan tidak mestinya mereka tinggal di sana tetapi di tempat-tempat yang mereka boleh berkumpul dan menikmati masa lapang mereka.

**YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Sungai Burong.

**YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** Terima kasih Tuan Speaker, sama ada Kerajaan Negeri sedar atau tidak terdapat rumah kebajikan yang telah disewakan kepada pendatang asing dan ini adalah penyalahgunaan terhadap matlamat dan tujuan rumah kebajikan ini diwujudkan dan sekeliling sedar apakah langkah dan tindakan yang diambil untuk mengatasi masalah ini dan memastikan pada masa akan datang tidak akan berlaku penyalahgunaan seumpama itu.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker, terima kasih Sungai Burong. Saya agak itu penyalahgunaan tempat dan kalau ada fakta yang betul dan kita boleh ambil tindakan. Sebenarnya permintaan untuk rumah-rumah kebajikan sangat banyak. Bukannya tidak ada. Pertama, kalau tak ada boleh jadi kita tidak jadikan rumah tu rumah kebajikan. Kedua, Kerajaan Negeri ada membuat beberapa keputusan mengenai sewa tanah, atau cukai tanah untuk rumah-rumah kebajikan hanya satu ringgit. Jadi, oleh sebab itu, kalau ia disalahgunakan maknanya kita perlu ambil tindakan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Damansara Utama.

**YB TUAN DR. CHEAH WING YIN:** Tuan Speaker, soalan 72.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN DR. CHEAH WING YIN  
(DAMANSARA UTAMA)**

**TAJUK: STATUS PERUMAHAN KOMERSIAL TERHAD**

72. Pusat perbandaran berkembang semacam *organisme*. Kawasan perumahan di pinggir bandar pun menikmati ciri-ciri perkembangan tersebut, termasuk kesesakan lalu lintas, pencemaran debu, dan kebisingan. Atas 'kesulitan' tersebut, pihak majlis perbandaran membenarkan beberapa kawasan perumahan *bungalow* terlibat, penggunaan tanahnya diubahkan dari status perumahan ke status 'komersial terhad' (*limited commercial*).

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah terjadi kepada rumah berteres dua yang di sebelahnya, bolehkah status penggunaannya juga diubahkan?

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW:** Tuan Speaker, Damansara Utama ingin tanya mengenai status perumahan komersial terhad. Di Petaling Jaya, aktiviti tukar guna bangunan rumah teres kepada perdagangan terhad secara sementara, hanya boleh dibenarkan bagi kawasan-kawasan yang terlibat di dalam penyediaan rancangan tempatan sahaja dengan syarat. Nombor satu, mendapat persetujuan kesemua pemilik rumah teres berkenaan. Nombor dua, kawasan-kawasan terlibat hendaklah berada di jalan-jalan utama yang mempunyai kelebaran rizab 66 kaki dan ataupun lebih. Yang ketiga, tidak lagi sesuai untuk didiami disebabkan oleh lalu lintas yang sibuk. Yang keempat, menggunakan bangunan sedia ada tanpa tambahan ketinggian tingkat. Yang kelima, aktiviti yang dijalankan tidak menimbulkan kacau ganggu kepada penduduk sekitar. Terima kasih.

**YB TUAN DR. CHEAH WING YIN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Ya, silakan.

**YB TUAN DR. CHEAH WING YIN:** Memandangkan kerap kali itu Pusat Bandar yang kecil itu berkembang dan di persekitaran kerap kali ada rumah-rumah berteres tingkat 2 yang tak berapa lebar dan rumah-rumah ini tak berapa sesuai untuk didiamilah kerana habuk banyak, banyak bising dan macam ini. Macam mana sebagai sebuah Kerajaan yang berprihatin kita boleh menolong mereka sedangkan itu keadaan sudah timbul sehingga mereka rasa tak sesuai untuk mereka bermastautin di sini. Bolehkah kita buat satu kajian ke, satu cadangan ke supaya mereka diberikan juga itu *title* mereka boleh diberikan *limited commercial* juga taraf.

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW:** Tuan Speaker, apa yang saya sebut tadi, dia kena ada syarat-syarat tetapi syarat-syarat itu adalah penting. Bayangkanlah kalau kita benarkan rumah teres dijadikan komersial terhad walaupun tidak menepati syarat-syarat itu seperti jadi ganggu, seperti jalannya tak cukup lebar ataupun pemilik bukan semua pemilik-pemilik ingin bersetuju dan sebagainya. PBT rasa amat susahlah kerana..kerana kalau kita buat macam ini juga tanpa katakanlah jalan yang sempit ataupun bukan semua pemilik mahu *immediately* dengan izin menjadi satu masalah yang besar. Jadi pada masa yang lampau memang ada aduan dan sebagainya tetapi kita terpaksa meminta semua pemilik bersetuju sebelum kita boleh memberi kebenaran menjadikan rumah teres menjadi untuk komersial terhad. Terima kasih.

**YB TUAN SPEAKER:** Sri Serdang, tidak hadir. Sementa, tidak hadir. Sg. Pelek.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan nombor 75.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN YAP EE WAH  
(SUNGAI PELEK)**

**TAJUK: LARANGAN PENJUALAN ARAK**

75. Kenyataan larangan penjualan arak telah menimbulkan kekeliruan kalangan rakyat dan penjual.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah garis panduan Kerajaan Negeri bagi menentukan kawasan yang sesuai untuk penjualan arak?

- b) Adakah larangan tersebut akan menimbulkan kesan negatif terhadap pekedai/penjual dan pelancong?

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW:** Tuan Speaker. Kerajaan Negeri, ini adalah mengenai arak ataupun penjualan..penjualan arak. Kerajaan Negeri belum lagi menetapkan satu garis panduan yang baru yang khusus bagi menentukan kawasan yang sesuai untuk penjualan arak. Mekanisme semasa yang diguna pakai adalah seperti berikut :

- 1) Bagi penjualan arak yang termasuk di bawah kategori *liquor* ataupun minuman keras, pemberian lesen adalah ditentukan oleh Lembaga Pelesenan dan Eksais Daerah yang dipengerusikan oleh Tetuan..oleh Tuan Pegawai Daerah dan 4 orang Ahli Lembaga. Lembaga ini akan dibantu oleh Jawatankuasa Teknikal yang terdiri daripada Kastam, Polis, Jabatan Kesihatan dan PBT yang berperanan menasihati Lembaga Pelesenan dan Eksais Daerah dalam mempertimbangkan permohonan lesen.
- 2) Bagi penjualan *beer* dan minuman beralkohol yang tidak termasuk di bawah kategori *liquor* dan tidak memerlukan lesen penjualan daripada Lembaga Pelesenan dan Eksais Daerah, Kerajaan Negeri tidak melarang penjualan minuman tersebut di kedai-kedai runcit dan kedai serbaneka. Kerajaan Negeri telah memperkenalkan mekanisme kawalan sendiri atau..atau *self regulating* kepada pemilik kedai runcit dan kedai serbaneka 24 jam terutama yang beroperasi di kawasan majoriti penduduk beragama Islam. Melalui mekanisme ini, pemilik kedai runcit atau serbaneka diminta untuk tidak mempamerkan secara terbuka minuman beralkohol,dan *beer* dan produk tersebut hanya akan dijual atas permintaan pelanggan sahaja. Mereka juga tidak dibenarkan menjual minuman beralkohol kepada pelanggan yang beragama Islam dan di bawah umur 18 tahun.

Mekanisme ini telah pun dilaksanakan secara percubaan di Majlis Bandaraya Shah Alam dan setakat ini telah mendapat sambutan yang positif daripada pengusaha kedai runcit dan kedai serbaneka 24 jam yang beroperasi di MBSA. Memandangkan tiada larangan penjualan secara total dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri melarang penjualan arak dan minuman beralkohol maka tidak timbul kesan yang negatif kepada penjual ataupun pelancong. Penjual masih dibenarkan menjual arak dan minuman beralkohol tetapi hanya kepada pelanggan-pelanggan tetap atau *regular customer* mereka dan kepada pelancong-pelancong. Terima kasih.

**YB TUAN LEE KIM SIN:** Tuan Speaker, soalan tambahan.

**YB TUAN SPEAKER:** Kajang.

**YB TUAN LEE KIM SIN:** Terima kasih Tuan Speaker. Kajang ingin bertanya berkaitan dengan peraturan yang dikenakan di Shah Alam, MB Shah Alam di mana notis amaran yang dilekatkan di tempat-tempat jualan itu, kita telah mendapati ada notis yang tulis "Larang dijual kepada orang agama Islam dan juga pada bawah umur 18 tahun." Ada dua jenis dan tulisan dan cetakan bagi yang larang dijual kepada orang Islam itu amat besar dan dua kali besar saiznya daripada larang untuk 18 tahun, adakah bermaksud ada dua jenis standard yang berbeza.

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW:** Terima kasih Kajang. Sebenarnya Kerajaan Negeri ataupun PBT tidak..tidak mengatakan mereka boleh mempamerkan amaran itu dengan suatu yang besar suatu yang kecil. Sebenarnya sepatutnya adalah dengan huruf besar yang samalah. Terima kasih.

**YB TUAN SPEAKER:** Kuala Kubu Bharu.

**YB TUAN WONG KOON MUN:** Terima kasih kepada Tuan Speaker. Soalan saya, saya nak tanya setakat ini berapa lesen untuk premis arak telah dikeluarkan. Kedua, sekarang saya rasa ramai orang tak tahulah kita saya ambil contoh, Old Town Coffee House, memang popular dia ada franchise dengan EC tetapi sekarang premis-premis yang jual arak juga ada franchise sekarang. Saya nak tau berapa lesen sama ada mereka berlesen ke tidak. Satu, dua bagaimana pemantauan dia. Kalau kita nampak kebanyakan Penguatkuasa daripada Majlis Daerah atau Perbandaran semua daripada kakitangan beragama Islam. Adakah mereka sensitif kalau hendak masuk buat pemantauan premis arak. Itu sahaja sekian.

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW:** Tuan Speaker, pada setakat ini saya tidak ada statistik untuk lesen arak yang baru dengan saya mungkin saya boleh beri jawapan bertulis selepas ini. Mengenai Old Town Coffee House dan sebagainya saya pada apa yang saya tahu tidak boleh menjual *liquor* kalau tak ada lesen *liquorlah* jadi tetapi kalau mereka hanya nak menjual *beer* sahaja tak ada masalah sebab dia tidak ada terhad tidak dihadkan.

**YB TUAN WONG KOON MUN:** Tuan Speaker, saya rasa Pandamaran sudah salah jawab. Soalan saya bukan kerana Old Town jual arak tak ada. Saya kata cara *business franchise*. *Franchise* macam Old Town ada kedai franchise untuk menjual di tiap-tiap daerah termasuk di kawasan saya, Jadi saya nak Tanya itu ada berlesen ke tidak. Dia tak ada berkaitan dengan Old Town, saya ambil contoh *franchise system*.

**YB TUAN SPEAKER:** Jadi Yang Berhormat, Yang Berhormat bila sebut O Kopitiam apa Old Town, ada namanya jadi nanti kalau ada *franchise* arak apa namanya kalau *franchise*.

**YB TUAN WONG KOON MUN:** Okey nanti saya bagi tau. Saya...

**YB TUAN SPEAKER:** Dia tak jelas macam mana minta jawapan.

**YB TUAN WONG KOON MUN:** Kerana saya suda tahu, saya dah dibagi tahu ada syarikat yang sama telah mengadakan kedai arak di beberapa kawasan so saya tahu ini ada beberapa sistem francais.

**YB TUAN SPEAKER:** Tetapi masalahnya sekarang ini macam mana EXCO boleh jawab kalau nama tak ada, Kalau Old time sekurang-kurangnya nama ada.

**YB TUAN WONG KOON MUN:** Saya sebut Old Town dia punya bukan dia punya cara *franchise for example* ini untuk...

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW:** Tuan Speaker saya menunggulah KKB bagi soalan yang tetap yang spesifik saya boleh jawablah. Okey.

**YB TUAN SPEAKER:** Sri Muda.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Tuan Speaker, soalan nombor 76.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI  
(SRI MUDA)**

**TAJUK : PROJEK RUMAH TERBENGKALAI**

76. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tiada perancangan untuk bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan dan huraikan tindakannya jika ada.
- b) Berapakah sasaran penyelesaian bagi tahun 2009 dan 2010.
- c) Berikan huraian kepada aduan kenapa syarikat yang dikenal pasti bermasalah juga diberikan peluang membaik pulih rumah dalam projek ini sedangkan syarikat ini sendiri mempunyai rekod buruk.

**YB TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** *Bismillahi rahmani rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat pagi. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kerajaan Negeri sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan untuk menyelesaikan masalah rumah-rumah terbengkalai. Secara amnya projek terbengkalai di Selangor ada juga di serata negeri, serata Negara di pantau sama ada oleh Kerajaan Negeri ataupun Kerajaan Pusat. Kerajaan Pusat di bawah Kementerian Perumahan dan juga Kerajaan Tempatan dan ini juga bergantung kepada pihak yang menerima aduan dari pembeli. Kalau pembeli membuat aduan kepada Kementerian Perumahan maka kes tersebut akan diambil oleh Kementerian Perumahan tapi kalau aduan dibuat kepada Kerajaan Negeri maka Kerajaan Negeri lah yang akan mengambil atau melihat, atau memantau aduan tersebut dan wakil-wakil Kerajaan Negeri turut dijemput untuk menghadiri mesyuarat pemantauan projek-projek di peringkat Kementerian dan saya pernah hadir satu mesyuarat tersebut dan selebihnya dihadiri oleh kakitangan daripada Perumahan dan Hartanah Selangor dan mesyuarat ini dilakukan secara berjadual dan di dalam pembangunan projek-projek perumahan mengikut akta banyak kuasa adalah di peringkat pusat atau peringkat Menteri Perumahan di mana Menteri boleh mengambil alih projek, menteri boleh mengarahkan pihak ketiga, memberi khidmat nasihat, menarik balik lesen atau mengeluarkan lesen. Oleh itu, Kerajaan Negeri sentiasa melaporkan kepada pihak Kementerian syarikat-syarikat yang perlu di senarai hitam. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri saya sendiri telah mula mengadakan mesyuarat berjadual bersama dengan Jabatan Perumahan Negara. Selain daripada memantau, ia juga bertujuan untuk negeri dan pusat berkongsi pengalaman atau cara-cara membangunkan semula projek-projek terbengkalai. Juga ianya untuk mengelakkan berlakunya pertindihan kerja dan cara-cara untuk kita bekerjasama sebab kita tidak mahu Kerajaan Negeri melihat satu projek itu ada inisiatif sendiri dan Kerajaan Pusat pun ada inisiatif mereka sendiri dan kita berharap bahawa terdapat penyelarasan dalam penyelesaian projek-projek terbengkalai oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat, dan untuk menjawab soalan kedua setakat ini *Task Force* Projek Terbengkalai telah mengenal pasti 8 projek untuk disiapkan sepanjang 2009 dan 2010 dan di antaranya menunggu untuk mendapat sijil layak menduduki bangunan hampir siap semua menunggu *inspection* ataupun daripada pihak PBT. Walau bagaimanapun *Task Force* ini sedang mengkaji lebih kurang 29 projek lagi yang berpotensi untuk dibangunkan. Jadi bermakna jumlah 8 projek ini akan bertambah pada tahun 2010. Untuk menjawab soalan ketiga saya ingin menekankan

di sini bahawa pemulihan projek terbengkalai ini adalah melalui 3 saluran. Pertamanya adalah melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan keduanya adalah melalui *Task Force* iaitu Kerajaan Negeri dan ketiganya adalah melalui inisiatif persendirian, inisiatif pembeli atau inisiatif syarikat yang terlibat. Kerja Kerajaan Negeri kita sentiasa memastikanlah bahawa syarikat-syarikat yang terlibat di dalam *Task Force* ini merupakan syarikat yang mempunyai rekod yang baik walau bagaimanapun Kerajaan ataupun *Task Force* ini sentiasa terbuka menerima sebarang aduan yang khusus terhadap syarikat-syarikat yang terlibat di dalam projek-projek yang sedang dibangunkan. Tentang saluran Kementerian Perumahan perkara ini kita bincang di dalam mesyuarat berjadual kita dengan Syarikat Perumahan mungkin ada aduan-aduan yang diterima oleh Kerajaan Negeri yang boleh kita salurkan kepada Kementerian Perumahan dan bagi inisiatif persendirian kita tidak ada kuasa untuk menghalang pelantikan mereka kerana ini atau pun dari segi lesen adalah kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Walau bagaimanapun inisiatif Kerajaan Negeri kita ada mengedarkan senarai nama Ahli-ahli Lembaga Pengarah Projek-projek Terbengkalai kepada semua Pihak-pihak Berkuasa Tempatan. Terima kasih.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Tuan Speaker.

**YB TUAN SPEAKER:** Ya Sungai Pelek.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Terima kasih Tuan Speaker. Apa pandangan Yang Berhormat EXCO kepada pembeli yang sudah beli rumah tetapi rumah itu terbengkalai dan buat sementara waktu ini mereka terpaksa bayar ansuran bank, apakah tindakan kerajaan menyelaraskan pembeli dan bank untuk menyelesaikan bayaran ansuran setiap bulan sedangkan pembeli ini masih belum boleh masuk ke rumah yang terbengkalai itu, apakah inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Negeri. Terima kasih.

**YB TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Terima kasih Yang Berhormat, seperti mana yang dilakukan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan juga Kerajaan Negeri kita mengeluarkan sijil ataupun surat mengesahkan untuk projek tersebut terbengkalai, Kerajaan Pusat keluarkan, Kerajaan Negeri pun keluarkan dan ini kita berharaplah pemaju atau pun pembeli boleh berbincang dengan bank untuk mungkin menjadualkan semula pinjaman mereka ataupun menanggungkan pinjaman mereka tetapi kita mengeluarkan surat dan kementerian pun mengeluarkan surat tetapi bagi projek-projek yang khusus di mana kita mendapat permintaan atau pun projek-projek yang hendak dibangunkan kita boleh mengadakan atau pun kita memang telah mengadakan perbincangan di antara pemaju dan juga dengan pihak bank yang memaklumkan pihak bank bahawa projek ini sedang dalam proses untuk dibangunkan. Terima kasih.

**YB TUAN SPEAKER:** Ya, Sungai Pelek.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Ya Tuan Speaker, tetapi setahu saya Yang Berhormat EXCO kebanyakan pembeli apabila mereka berurusan dengan bank itu jawapan yang sama juga mereka terpaksa bayar walaupun projek itu masih terbengkalai dan kalau tak bayar tu bunga atau *interest* akan ditambah dalam ansuran bulanan, so apa salahnya jika Kerajaan jangan sahaja memberikan selain dari memberikan surat tu boleh tak Kerajaan Negeri aturkan Majlis Dialog di antara pembeli dengan pemaju, bank supaya dapat mengatasi masalah sehingga selesainya projek perumahan dan pembeli dapat menduduki rumah itu. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Pelek.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Tuan Speaker. Tetapi setahu saya Yang Berhormat EXCO kebanyakan pembeli apabila berurusan dengan bank itu jawapannya sama juga dipaksa bayar walau pun projek itu masih terbelang dan kalau tak bayar tu bunga atau *interest* akan ditambah dalam ansuran bulanan. So, apa salahnya jika kerajaan jangan sahaja memberikan selain daripada memberikan surat itu, kerajaan negeri aturkan majlis dialog di antara pembeli dengan pemaju, bank supaya dapat mengatasi masalah sehingga selesainya projek perumahan dan pembeli dapat menduduki rumah itu. Terima kasih.

**YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD:** Sememangnya perbincangan ini bukan diadakan di peringkat negeri sahaja tetapi di peringkat persekutuan pun telah dilakukan untuk menyelesaikan masalah ini. Sebab saya rasa dari segi kuasa kerajaan negeri, kita tidak ada kuasa ke atas bank dan di dalam perbincangan kita dengan pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memang kita mahukan supaya Kerajaan Persekutuan sendiri yang mengambil inisiatif yang boleh bank menanggungkan pembayaran tersebut. Ini bukan kuasa Kerajaan Negeri dan kita memang sentiasa memberitahu kepada Kementerian Perumahan dan pihak bank bahawa inilah harapan kita supaya ia dapat ditanggungkan, Tetapi kita menunggulah daripada Kerajaan Persekutuan.

**YB TUAN SPEAKER:** Meru

**YB TUAN DR ABD RANI BIN OSMAN:** Terima kasih. Tuan Speaker. Soalan 77.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN  
(MERU)**

**TAJUK: KEBAJIKAN IBU TUNGGAL DAN SURTI RUMAH**

77. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Bagaimanakah pelaksanaan elaun untuk ibu tunggal yang layak yang telah dijanjikan di dalam manifesto sebelum ini?
- b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk mewujudkan elaun khas surti rumah yang memilih untuk menjaga sepenuh masa anak-anak kecil mereka?
- c) Apakah terdapat satu badan atau jabatan khas di bawah Kerajaan Negeri yang memantau tentang hal-ehwal wanita dan menangani permasalahan golongan ini secara holistik?

**YB TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Tuan Speaker. Buat masa ini Kerajaan Negeri masih mengkaji perkara berkaitan elaun ibu tunggal yang telah dijanjikan dalam manifesto sebelum ini. Walau bagaimana pun terdapat beberapa jenis bantuan yang sesuai ibu tunggal di antaranya seperti berikut:

Bantuan kerja prihatin membaiki dan membina rumah baru bagi ibu tunggal yang layak;

Bantuan *blue-print* kemiskinan, bantuan kepada mereka yang miskin dan ingin memulakan perniagaan sendiri secara kecil-kecilan;

Dana Usahawan IKS. Dana bagi mereka yang ingin mengembangkan perniagaan sendiri;

Elaun khas bagi suri rumah masih lagi dalam kajian Kerajaan Negeri buat masa ini, tetapi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita merancang untuk menubuhkan Pusat Komuniti Wanita di setiap DUN di mana mereka dalam kategori suri rumah atau ibu tunggal boleh berkumpul di Pusat ini untuk berbincang, berkongsi masalah dan seterusnya melakukan aktiviti ekonomik yang membantu mereka untuk menjana pendapatan tambahan kepada keluarga. Walau bagaimana pun hanya 10 DUN yang akan dipilih dahulu untuk memastikan supaya pusat ini dapat memainkan peranan dan berkongsi sepenuhnya kepada masyarakat setempat. Jabatan Pembangunan Wanita merupakan satu jabatan yang sepatutnya memantau hal ehwal wanita dan keluarga tidak lagi memberikan kerjasama dengan Kerajaan Negeri khususnya Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita bagi menyelaraskan program-program atau menyalurkan dana seperti yang dilaksanakan sebelum 8 Mac 2008. Oleh itu Sekretariat Wanita Selangor ditubuhkan untuk membantu Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita untuk merancang menyelaras, melaksana dan memantau segala program-program yang membantu kaum wanita di Selangor. Sekretariat ini di anggota oleh NGO dan juga wanita profesional yang berfungsi memberi input kepada Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dalam merancang program-program yang berfaedah kepada wanita secara holistik.

**YB TUAN SPEAKER:** Bukit Gasing, tidak hadir. Rawang.

**YB PUAN GAN PEI NEI:** Tuan Speaker, soalan no. 79.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB PUAN GAN PEI NEI  
(RAWANG)**

**TAJUK: BUDAYA MEMBACA DI NEGERI SELANGOR**

79. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah-langkah yang dijalankan oleh kerajaan untuk memupuk dan menggalakkan budaya membaca dalam kalangan orang awam?
- b) Senaraikan perpustakaan desa yang didapati sekarang mengikut pecahan daerah.
- c) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menambahkan bilangan perpustakaan desa yang sedia ada dan apakah syarat-syarat yang dikenakan sekiranya ingin membina perpustakaan desa?

**YB PUAN DR. HALIMAH BT ALI:** Tuan Speaker, terima kasih kepada Rawang. Langkah-langkah yang telah dijalankan oleh kerajaan untuk memupuk dan menggalakkan budaya membaca dalam kalangan awam kalangan orang awam. Pertamanya langkah yang telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri Selangor ialah pertamanya menyedari bahawa budaya membaca masih tidak wujud di Selangor. Memang ada ramai yang mahu membaca menjadi budaya kepada mereka membaca di mana-mana tetapi itu hanyalah segelintir rakyat di Negeri Selangor. Bahkan kita lihat di kalangan ahli akademik juga hanya membaca hanya ilmu-ilmu yang di dalam bidang mereka sendiri. Jadi Kerajaan Negeri Selangor telah mengambilkan keputusan untuk memecahkan tembok ini, untuk memecahkan tembok di mana rakyat jelata di negeri Selangor masih tidak menilaikan ilmu seperti yang sewajibnya. Jadi sikap dingin kepada ilmu ini perlu ditukarkan satu *attitude* atau sikap kita membawa satu anjakan paradigma di



mana rakyat Negeri Selangor yang kurang cenderung membaca termasuk di kalangan ahli akademik yang saya sebutkan tadi kepada budaya membaca di semua peringkat melalui penghayatan insya-Allah yang kita sebutkan di dalam model SPIES itu. *Tony Bilges* mengatakan yang *inventor map mapping* seorang yang pakar tentang intelek ini menyatakan ada 100 bilion sel otak yang ada di dalam setiap orang manusia dan ia mengatakan hanya orang biasa, manusia biasa hanya menggunakan hanya 1% daripada 100 bilion sel otak yang aktif itu. Jadi kita di Selangor ini mahu menggalakkan rakyat Negeri Selangor mengguna semaksimum mungkin sel-sel otak itu. Itu yang disebut di dalam I di dalam SPIES itu. Supaya kita sedar dan menghayati konsep pembangunan intelek itu. Jadi apa yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri Selangor ialah kita memberikan satu contoh teladan sebagai *role model* di mana Menteri Besar dan EXCO-EXCO telah menyatakan sekiranya ada pemberian yang nak diberikan kepada sebagai cenderahati kepada EXCO dan Menteri Besar bahkan –Pegawai Pegawai Kewangan ia bukanlah pemberian yang lain tetapi ialah Buku. Ini satu sinonim kepada sumber ilmu. Dan apa yang telah kita lakukan juga ialah kita mencetuskan satu program jejak ilmuwan di mana kita mahu menyedarkan satu *wake up call* kepada seluruh rakyat di Negeri Selangor bahawa ilmu adalah satu keperluan asas utama untuk berjaya di dalam hidup.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat, boleh *straight to the point*.

**YB PUAN DR. HALIMAH BT ALI:** Ini langkah-langkah yang di bawak oleh kerajaan ye... untuk memupuk dan menggalak budaya membaca. Jadi bila rakyat negeri Selangor memahami bahawa ilmu adalah perkara yang penting, perkara asas, perkara utama barulah cara bagaimana untuk mendapatkan ilmu sudah tentulah membaca. Jadi ini adalah insya-Allah cara-cara untuk memupuk menggalak budaya membaca ini dengan rakyat di Negeri Selangor memahami dulu bahawa ilmu harus dikejar dan cara yang paling baik ialah dengan membaca. Jadi apa yang telah dilakukan juga ialah pertamanya kita pusat atau gedung ilmu yang dikenali oleh kebanyakan orang ialah Perpustakaan Awam. Dan di antara cara kita untuk menggalakkan budaya membaca dan seterusnya menarik orang ramai ke pusat gedung ataupun sumber ilmu iaitu Perpustakaan ialah kita telah menjalan satu proses penjenamaan semula Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor di mana ia kita mahu ia menjadi pusat tumpuan ilmuwan, sebagai hub ilmuwan dan sebab itu kita hendak membuatkan satu rombakan imej, segala dekorasi di dalam juga segala *wifi* yang *free* di lobi Perpustakaan Awam juga telah kita sediakan sehingga ia boleh digunakan oleh orang awam tanpa caj apa-apa.

Inilah di antara yang kita lakukan mereka juga akan lebih suka melawat ke perpustakaan dan kita harapkan dengan ini juga mereka akan membawa kawan-kawan membawa anak-anak, jiran-jiran mereka untuk terus masuk ke perpustakaan kerana fasiliti-fasiliti yang semakin baik yang kita adakan. Dan juga kita juga telah membuatkan satu pembaharuan juga di mana keahlian perpustakaan awam di mana sebelum ini kita letakkan minimum 5 tahun tetapi sekarang ini anak yang baru lahir juga boleh menjadi ahli Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor ini. Jadi ini kita harapkan kepada rakyat kepada minda rakyat di Negeri Selangor ini bahawa kita benar-benar mahu rakyat mula membaca walau pun anak-anak yang belum kenal buku itu, ibunya dan ayahnya sepatutnya sudah memulakan budaya membaca sejak dari kecil itu lagi. Juga perkhidmatan infrastruktur perpustakaan akan terus dipertingkatkan dengan tujuan menyemai dan menggalakkan sikap suka membaca di kalangan orang awam ini dan rangkaian perkhidmatan perpustakaan akan diperluaskan ke semua daerah, mukim dan kampung supaya lebih ramai penduduk mendapat akses kepada bahan-bahan bacaan. Agensi berkaitan akan bekerja untuk mempercepatkan perwujudan perpustakaan tersebut di pusat-pusat komuniti. Dan juga daripada kempen gerakan membaca yang telah pun kita laksanakan akan terus kita laksanakan daripada peringkat negeri, daerah hingga keluar bandar akan kita teruskan dan kita mengharapkan dengan penglibatan aktif dan pro aktif para ahli-ahli Yang

Berhormat ini akan membawa satu gelombang yang lebih besar, yang lebih rancak di mana rakyat di Negeri Selangor akan lebih mudah untuk dipupuk budaya membaca insya-Allah.

Juga bagi soalan yang kedua senarai Perpustakaan Desa mengikut pecahan daerah sebenarnya ia banyak juga Tuan Speaker. Saya rasa dia semua, hampir semua daerah ada mempunyai perpustakaan desa. Di Petaling ada 3 Perpustakaan Desa, di Kampung Kubu Gajah Kampung Sungai Pelong di Kuang Daerah Gombak. Perpustakaan Desa Asshakirin, Perpustakaan Desa Kampung Kemensah di Daerah Hulu Langat. Perpustakaan Desa Batu 14, di Beranang, di Kampung Melayu Ampang, di Lembah Jaya, di Kampung Pandan, Kampung Cheras Baru dan di Kampung Jawa Hulu Langat. Daerah Sepang di Sungai Merab, Jenderam Hilir, Bukit Bangkong, Sungai Pelek, Bagan Lalang Sungai Pelek, Hulu Chuchuh Sepang, Kampung Dato' Ahmad Razali dan Desa Mahkota di Daerah Sepang. Di Hulu Selangor, Kampung Sungai Masin, Batang Kali, Sungai Selisik di Kerling, di Kalumpang Sungai Choh dan Kampung Serigala. Daerah Klang Perpustakaan Desa Meru, Pulau Indah, Bukit Kapar hanya 3 setakat ini di Daerah Klang.

Di Daerah Kuala Langat ada 9 di Olak Lempit Seri Jurga, Kampung Endah, Jenjarom, Kampung Ladang Batu, Kampung Batu Laut, Kampung Sungai Kelambu, Kampung Morib dan Sijangkang. Di Kuala Selangor Perpustakaan Desa Ijok, Seri Tiram Jaya, Parit Mahang Jeram, Bukit Badong Batang Berjantai, Jeram Perpustakaan Desa Jeram juga, di Sungai Gulang-gulang, Bukit Kerayong I, di Sungai Sireh Tanjong Karang, Assam Jawa Bukit Rotan, di Puncak Alam dan di Estet Tunku Abdul Rahman. Sabak Bernam ada 22 di Bagan Terap, Bagan Nakhoda Omar, Binjai Jaya, Pasir Panjang, Batu 2 Sungai Air Tawar, Kampung Banting, Tebok Berihun, Sungai Apong, Taman Muhibah Batu 4 Sepintas, Batu 38, Simpang Lima, Tebok Mufrad, Parit Baru, Tebok Pulai, Parit 14, Parit 6, Parit 11, Parit 7, Parit 8, Taman Setia Jaya Sungai Besar. Dan adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menambahkan bilangan Perpustakaan Desa yang sedia ada. Memang kita mengalu-alukan kalau ada di antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang merasa daripada peninjauan Ahli-ahli Yang Berhormat memang perlu ada Perpustakaan Desa kita mengalu-alukan permohonan dari Ahli-ahli Yang Berhormat. Tetapi di antara syarat-syarat yang perlu dilihat sewajarnya ialah tapak yang bersesuaian. Dan daripada segi syarat itu tidak banyak sebenarnya Perpustakaan Desa sekarang ini adalah dibina oleh Perpustakaan Awam Negara. Jadi kalau Ahli-ahli Yang Berhormat sudah pun mengenal pasti tapak yang sama ada tanah kerajaan ataupun tanah wakaf maka kita boleh mengemukakan pelan permohonan-permohonan Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut. Dan di antara syarat-syaratnya ialah 5 hingga 10 km daripada jaraknya daripada perpustakaan kita tidak mahu perpustakaan terlalu dekat antara satu sama lain dan penduduknya sekurang-kurangnya 300 hingga 500 orang. Dan ada kemudahan infrastruktur, maknanya ada bekalan elektrik, ada talian telefon, rangkaian komunikasi dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

**YB TUAN LEE KIM SIN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Kajang.

**YB TUAN LEE KIM SIN:** Kajang ini bertanya berkaitan dengan kajian. Kajian yang dibuat kajian penilaian semula terhadap perpustakaan yang ada di negeri Selangor saya dapati telah ada kajian yang dibuat untuk menilai semula tentang keberkesanan perpustakaan di Selangor dan siapakah yang terlibat dalam kajian ini dan juga apakah strategik dan pelan tindakan yang digariskan dan berapakah kos yang terlibat dalam kajian ini. Sekian, terima kasih.

**YB PN. DR. HALIMAH BINTI ALI:** Saya tidak ada detail perincian fakta yang diminta oleh YB Kajang itu, dan siapa dan sebagainya jadi saya tidak boleh mengada-adakan yang saya tidak kenal pasti. Jadi kita boleh bagi jawapan bertulis kepada YB Kajang. Insya-Allah.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burong.

**YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Terima kasih Tuan Speaker, Soalan No. 80.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS  
(SUNGAI BURONG)**

**TAJUK: PELANCONGAN *HOMESTAY***

80. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:
- a) Berapakah bilangan *homestay* yang diusahakan masyarakat kampung dan pecahannya mengikut daerah?
  - b) Berapakah nilai yang dapat dijana hasil daripada produk *homestay* ini?
  - c) Berapakah bilangan pelancong yang dapat diwujudkan dalam memajukan peluang *homestay* di Selangor?

**YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat, terdapat 16 lokasi *homestay* yang rasmi di Selangor sehingga tahun 2009. Berikut adalah lokasi-lokasi *homestay* di Selangor:

Di Sepang terdapat 1, iaitu *Homestay* Bangkuris, Di Gombak ada 1 *Homestay Vogan Villas*. Di Kuala Langat terdapat 5 *homestay*, ialah *Homestay* Kampung Indah, Kampung Batu Laut, Kanchong Darat, Kampung Kundang dan Kampung Sungai Lang Tengah. Di Hulu Selangor terdapat 1 *homestay* iaitu Sungai Tenggi di Kuala Selangor terdapat 2. *Homestay* Sungai Sireh, *Homestay* Setangkas dan di Sabak Bernam terdapat 6 *homestay* iaitu *Homestay* Batu 23, Sungai Nibong, Sungai Haji Dorani, Sepintas, Air Manis, Papisulam dan Seri Kayangan. Nilai yang dapat dijanahasil daripada produk *homestay* ini ialah berdasarkan statistik Januari hingga Ogos 2009 sebanyak RM 1,037,943.00 telah diperolehi.

Berikut adalah pecahan pendapatan bagi setiap *homestay*:

1.	Bangkuris	-	RM 157,950.00
2.	Papatisulam	-	RM 11,150.00
3.	Sepintas	-	RM 3,900.00
4.	Seri Kayangan	-	RM 5,700.00
5.	Sungai Sireh	-	RM 277,350.00
6.	Sungai Tenggi	-	RM 9,000.00
7.	Vogan Villas	-	RM 9,670.00
8.	Kampung Indah	-	RM 81,850.00
9.	Kanchong Darat	-	RM 14,750.00
10.	Sungai Lang Tengah	-	RM 166,273.00
11.	Kampung Kundang	-	RM 18,250.00
12.	Batu Laut	-	RM 5,600.00
13.	Sungai Haji Dorani	-	RM 241,750.00

14.	Air Manis	-	RM 13,150.00
15.	Batu 23, Sg. Nibong	-	RM 21,600.00

Jumlah keseluruhannya RM 1,037,943.00

Berdasarkan statistik kedatangan pelancong ke *homestay* bagi Januari hingga Ogos 2009 bilangan pelancong yang dapat diwujudkan dalam memajukan peluang *homestay* di Selangor adalah seperti secara total, jumlahnya 17,471 orang. Dan saya ingin maklumkan kepada Dewan ini bahawa *homestay* yang paling popular dengan pelancong dari luar negara adalah Bangkuris dan *homestay* yang paling popular dengan pelancong-pelancong tempatan ialah di Kampung Sungai Sireh.

**YB PUAN GAN PEI NEI:** Soalan tambahan . Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Rawang.

**YB PUAN GAN PEI NEI:** Saya ingin bertanya Yang Berhormat tentang apakah bahagian ataupun Unit yang meluluskan *homestay* dan untuk memberikan peruntukan dan adakah ini berada dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri ataupun Kerajaan Persekutuan.

**YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Ini merupakan satu projek yang telah bermula dengan Kerajaan Persekutuan untuk beberapa tahun tetapi kita di Kerajaan Negeri Selangor, Pakatan Rakyat kita tidak kesah itu dulu ceritanya. Kita masih menolong *homestay-homestay* tersebut dan *homestay-homestay* ini ada berdasarkan JKKK di kampung-kampung tersebut. Jadi walau bagaimanapun JKKK atau JKKKP atau Kolektif ataupun Koperasi Orang Kampung kita tidak kesah tapi kita akan terus untuk berkhidmat untuk semua penduduk di negeri Selangor.

**TUAN SPEAKER:** Taman Templer. Tidak hadir. Paya Jaras.

**YB DATO' MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR:** Tuan Speaker, soalan No. 82.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS  
(PAYA JARAS)**

**TAJUK: ARAK**

82. Shah Alam adalah ibu Negeri Selangor yang didiami oleh majoriti orang Islam dan mesyuarat penuh Majlis Bandaraya Shah Alam memutuskan arak tidak boleh dijual di kawasan majoriti orang Islam.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Bagaimana arak boleh dijual di kedai-kedai serbaneka 7 *Eleven* Di Shah Alam dan kawasan majoriti orang Islam sedangkan perkara ini tidak pernah berlaku di masa lalu?
- b) Apakah langkah jangka pendek dan jangka panjang untuk memastikan perkara ini tidak berlaku?

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW:** Tuan Speaker, ini ada berkenaan dengan arak juga. Semua premis 7 *Eleven* di Shah Alam hanya menjual minuman keras yang mengandungi alkohol kurang 8.8% di mana dikategorikan sebagai *beer*. Dia ada akta ataupun peruntukan untuk

minuman di bawah 8.8% kandungan alkoholnya termasuk BPT. Minuman di atas 8.8% itu tertakluk di bawah Akta Eksais Kastam yang mana permohonan akan di bawa ke Mesyuarat Lembaga Pelesenan yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah. Hasil perjumpaan dan perbincangan bersama YAB Dato' Menteri Besar Selangor langkah-langkah berikut telah diambil:

1. Mengamalkan konsep "*Sale Legallethory*" di mana penguasa dan pemilik premis termasuk *7 Eleven*, *KK Mart* dan *99 Speedmart* akan membuat jualan *beer* kepada individu yang bukan beragama Islam.
2. Di bawah konsep ini juga pemilik diarahkan untuk mengasingkan *beer* dengan produk lain.
3. Pengusaha pemilik juga digalakkan tidak mempamerkan *beer* di premis masing-masing.
4. Meletakkan dengan jelas larang minuman keras tidak dijual kepada orang beragama Islam dan di bawah umur 18 tahun. Dan
5. Pihak MBSA juga akan mengedarkan risalah, *poster* dan *sticker* mengenai konsep "*Sale Legallethory*" pemilik premis serba guna, runcit yang menjual minuman *beer* dalam kawasan Shah Alam. Terima kasih.

**TUAN SEPAKER:** Bukit Antara Bangsa.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Tuan Speaker, Soalan No. 83.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI  
(BUKIT ANTARABANGSA)**

**TAJUK: PROJEK USAHASAMA KERAJAAN NEGERI**

83. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah pendirian Kerajaan Negeri terhadap cadangan projek-projek usaha sama antara Kerajaan Negeri ataupun syarikat berkaitan Kerajaan Negeri dengan pihak swasta terutama dalam sektor pembangunan hartanah yang dapat merangsang pertumbuhan ekonomi negeri.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker, terima kasih. Bukit Antara Bangsa membawa soalan projek usaha sama Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri sentiasa menggalakkan penyertaan anak-anak syarikat di bawah Kerajaan Negeri untuk membuat projek-projek dan ada kalanya mengadakan usaha sama untuk menentukan pertama, mendapat keuntungan dari usaha sama tersebut. Kedua juga dapat membangunkan negeri Selangor. Walau bagaimanapun beberapa kajian yang kita telah lakukan, umpama dalam pengalaman bukan di PKNS tetapi pengalaman di PKPS kita dapati usaha sama yang telah dibentuk tidak memberikan hasil yang sebaik-baiknya kepada PKPS memandangkan risiko yang tinggi yang diberikan kepada PKPS dan pendapatan yang tidak sesuai dengan usaha tersebut. Kerajaan Negeri usaha sama yang akan datang akan melibatkan penglibatan yang terus menerus maknanya pegawai-pegawai syarikat-syarikat kerajaan dan pegawai-pegawai dari syarikat

swasta bekerjasama menjalankan tugas-tugas mereka dan dapat mengembangkan usaha-usaha mereka secara berkongsi dan tidak hanya sebagai contoh memberikan tanah kepada pengusaha. Dan pengusaha-pengusaha itu mengusahakan tanah tersebut dan hasilnya barulah diberikan kepada syarikat kerajaan. Ini pertama tidak akan menentukan hasil yang terbaik untuk negeri. Kedua, dia tidak memberikan kemahiran kepada pegawai-pegawai dalam syarikat tersebut untuk mempelajari dan juga mendapat pengalaman dari segi *business* yang dilakukan. Jadi usaha ini kita nak pantau kerana kita dapati selain daripada dari pendapatan-pendapatan yang apa yang dikatakan agak rendah dan tidak sesuai dengan risiko yang diambil. Kedua kita dapati juga terdapat projek-projek yang tidak berjaya kerana mereka yang dipilih dalam usaha sama tersebut adalah mereka yang juga tidak mempunyai pengalaman dari segi projek-projek yang dijalankan. Jadi buat masa ini pemantauan akan dilakukan supaya setiap usaha sama yang dilakukan mengambil kira pertama risiko dan pulangan yang diterima. Kedua, menentukan bahawa *partner* ataupun syarikat usaha sama itu adalah syarikat yang benar-benar dapat menjalankan tugas tersebut dan dapat memberikan hasil yang telah dijanjikan.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Antarabangsa.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Saya menyambut baik usaha kerajaan negeri untuk menggalakkan usaha sama di antara anak syarikat dengan pihak swasta dan baru-baru ini dalam membentangkan Rang Undang-undang perbekalan tambahan YAB ada menyebut bahawa prinsip kerajaan negeri sekarang dengan syarikat swasta adalah untung dikongsi, hutang dikutip. Kalau kita lihat perjanjian yang telah ditandatangani sebelum ini di antara kerajaan negeri khususnya anak-anak syarikat dan syarikat swasta, sementara kita nak menekankan soal keuntungan dan juga hasil yang lebih baik bagi kerajaan negeri. Apakah kerajaan negeri akan memberi perhatian juga kepada persoalan *transfer of technology* dalam usaha sama ini supaya anak-anak syarikat ini dapat memiliki teknologi-teknologi yang terkini hasil daripada usaha sama yang tersebut. Yang kedua beberapa perjanjian yang telah ditandatangani sebelum ini sekiranya ianya tidak mendatangkan hasil yang terbaik untuk kerajaan negeri. Apakah tindakan kerajaan negeri, apakah kerajaan negeri akan merampas semula tanah-tanah tersebut atau kesediaan kerajaan negeri mengkaji perjanjian yang berkenaan supaya ianya memberikan keuntungan dan hasil yang lebih baik kepada kerajaan negeri dan pada masa yang sama kerajaan negeri juga menggalakkan penyertaan syarikat-syarikat swasta di dalam pembangunan hal tanah di dalam negeri Selangor.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker, saya setuju terhadap pandangan Bukit Antarabangsa supaya usaha sama ini dapat menghasilkan apa yang disebut *concepcynergy*. Bererti, pegawai-pegawai atau warga kerja syarikat-syarikat milikan kerajaan negeri dapat bersama-sama bekerja menjalankan program-program tersebut supaya teknologi-teknologi ini i dapat didalami dan difahami serta boleh digunakan untuk masa hadapan. Tetapi usaha sama ini mestilah termasuk dalam perjanjian-perjanjian tersebut atau apa yang disebut *transfer of technology*. Kalau ini tidak termasuk, maknanya ada pegawai-pegawai hanya dibenarkan menjadi ahli lembaga pengarah. Maknanya ia bukan disebut *transfer of technology* atau *pemindahan teknologi*. Oleh itu, beberapa perkara yang perlu kita perhatikan dalam perjanjian-perjanjian masa hadapan supaya perkara ini dapat ditekankan atau dimasukkan dalam perjanjian-perjanjian tersebut. Dan *transfer of technology* bererti sudah tentulah pengalaman itu mesti dilakukan oleh pegawai-pegawai daripada syarikat-syarikat kerajaan ini. Jadi, kita boleh menghantar pegawai-pegawai tersebut untuk bekerja di firma-firma tersebut.

Kedua, terdapat banyak perjanjian yang lepas tidak sangat mementingkan hasil untuk negeri dengan risiko yang negeri berikan. Kenyataan saya ini agak abstrak kalau saya bercakap secara begitu. Sebagai contoh, anak syarikat kerajaan negeri ada seratus ekar tanah pertanian dan ada usahawan datang berjumpa dengan syarikat tersebut untuk membangunkan tanah pertanian tersebut. Tanah pertanian tersebut dikatakan hendak dibangunkan untuk dijadikan kawasan perumahan dan kawasan komersial. Lantas, terdapat satu perjanjian yang bersetuju syarikat kerajaan negeri menyerahkan tanah tersebut seratus ekar tanah pertanian kepada syarikat usaha sama dengan bayaran awal seratus ribu ringgit. Dan dalam perjanjian tersebut tercatat; apabila perkara-perkara ini sudah dibangunkan oleh syarikat yang diberikan tanah tersebut, hasilnya hendak diberikan dan dikongsi dengan kerajaan negeri hasilnya.

Jadi, apakah risiko kerajaan negeri? Risiko kerajaan negeri adalah tanah pertanian seratus ekar, diserahkan kepada usaha sama saya dengan bayaran hanya seratus ribu ringgit. Walaupun tanah pertanian itu kalau dinilai secara komersial atau diperbaiki dan dapat kelulusan pembangunan boleh jadi harganya melebihi tiga puluh ke empat puluh juta, namun ia hanya diserahkan berasaskan perjanjian pembayaran awal seratus ribu ringgit. Risiko yang besar adalah empat puluh ribu juta digadaikan dengan harga seratus ribu ringgit. Jadi apabila projek itu berjaya sahaja barulah kerajaan negeri ataupun syarikat kerajaan negeri itu dapat hasil daripada pembangunan tersebut.

Seterusnya, dua pihak yang rugi. Satu kerajaan, syarikat kerajaan negeri tak perlu jual atau serahkan tanah pertanian kepada pembuat usaha sama tersebut kerana pegawai-pegawai syarikat kerajaan negeri boleh menukar milik, tukar guna tanah tersebut daripada pertanian kepada perumahan atau komersial dengan cara itu nilainya sudah tinggi dan terus meminta bayaran ke atas nilai tanah tersebut. Dan ini tidak berlaku. Kedua, jika projek itu terbengkalai atau tidak berjaya dan oleh sebab tanah itu sudah diserahkan secara *power of attorney* kepada syarikat-syarikat tersebut, sudah tentu tanah-tanah itu boleh digadaikan oleh syarikat tersebut kepada bank. Apabila ia digadaikan projek terbengkalai maka bank memiliki tanah-tanah tersebut. Apa yang didapati oleh kerajaan negeri adalah hanya seratus ribu ringgit!

Oleh sebab itulah, kini kita mula melihat perjanjian-perjanjian tersebut. Pada dasarnya untuk maklumat Bukit Antarabangsa, sudah tentulah kita tidak boleh merampas apa yang dikatakan tidak menunaikan kontrak yang kita sains pada dasarnya. Maknanya, kita tidak boleh mengatakan kerajaan negeri sekarang tidak menunaikan janji sebab yang sangat penting dalam *business* adalah nilai. Walau bagaimanapun pihak kerajaan negeri menasihati syarikat-syarikat tersebut supaya menengok semula *provision* ataupun peruntukan dalam perjanjian tersebut sama ada *provision-provision* ini boleh diubah atau pun dikaji semula supaya risiko syarikat-syarikat ini, risiko kerajaan negeri atau pun syarikat-syarikat kerajaan negeri tidaklah terlampau tinggi dan hasilnya terlampau rendah. Nah, ini yang kita buat kajian. Selepas itu kita berbincang semula dengan syarikat-syarikat tersebut supaya mereka dapat memberikan pulangan yang setimpal dengan risiko yang diambil oleh syarikat-syarikat kerajaan negeri. Jadi kita menggalakkan keadaan tersebut atau pun kita tunggu sehingga perjanjian itu tidak dapat ditunaikan dan kita tidak lagi meneruskan perjanjian tersebut.

Kita juga menggalakkan usaha pembangunan harta tanah sebagai usaha sama. Dalam kontes ini, pada pandangan saya, PKNS sudah mempunyai keupayaan untuk bekerjasama dengan syarikat-syarikat swasta kerana PKNS sudah mempunyai pengalaman, pengalaman yang terus daripada segi pembangunan harta tanah. Dengan perkongsian yang secara sama rata atau pun *business line* saya yakin pembangunan PKNS boleh diperhebatkan. Tetapi kita harus ingat; pertama kita mesti mengenal pasti siapakah *joint venture partner* kita?. Apakah kekuatannya? Mengapa kita mesti adakah *joint venture* dengan dia? Bagaimanakah

kemungkinan pulangan kita dengan risiko yang kita hadap? Itulah beberapa persoalan yang perlu diambil kira dalam usaha membuat keputusan usaha sama tersebut.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa pertanyaan sudah tamat maka saya tangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Rang Undang-undang Perbekalan 2010, 2009 semua peringkat sambungan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya dewan ini bersidang sebagai Jawatankuasa Perbekalan menurut Peraturan Tetap 66(3) untuk menimbangkan Rang Undang-Undang ini Fasal demi Fasal.

**YB DATO' DR HASSAN BIN MOHAMED ALI:** Tuan Speaker saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa Perbekalan.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B. 1 – Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan RM 78,962,975.00

**TUAN SPEAKER:** Jadual B. 1 iaitu wang sejumlah RM 78,962,975.00 untuk kepala B.1 Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan menjadi sebahagian daripada jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B. 2 – Pelbagai Perkhidmatan RM 23,700,000.00

**TUAN SPEAKER:** Jadual B. 2 iaitu wang sejumlah RM 23,700,000.00 untuk kepala B. 2 Pelbagai Perkhidmatan menjadi sebahagian daripada jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B. 3 – Dewan Negeri Selangor RM 13,933.060.00

**TUAN SPEAKER:** Jadual B. 3 – iaitu wang sejumlah RM 13,933.060.00 untuk Kepala B. 3 Dewan Negeri Selangor menjadi sebahagian daripada jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B. 4 – Perbendaharaan Negeri RM11,840,018.00

**TUAN SPEAKER:** Jadual B. 4 iaitu wang sejumlah RM 11,840.018.00 untuk Kepala B.4 Perbendaharaan Negeri menjadi sebahagian daripada jadual

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.



**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B. 6 – Caruman Kepada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri RM590,400,000.00

**TUAN SPEAKER:** Jadual B. 6 iaitu wang sejumlah RM590,400,000.00 untuk Kepala B. 6 Caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri menjadi sebahagian daripada jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B. 7 – Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri RM 614,936.00

**TUAN SPEAKER:** Jadual B.7 – iaitu wang sejumlah RM 614,936.00 untuk Kepala B.7 Caruman kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B. 8- Jabatan Pertanian RM 10,171,207.00

**TUAN SPEAKER:** Jadual B. 8 – iaitu wang sejumlah RM10,171,207.00 untuk Kepala B. 8 Jabatan Pertanian menjadi sebahagian daripada jadual

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B. 9 – Pejabat Tanah dan Galian RM16,540,585.00

**TUAN SPEAKER:** Jadual B. 9 – iaitu wang sejumlah RM16,540,585.00 untuk Kepala B. 9 Pejabat Tanah dan Galian menjadi sebahagian daripada jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B. 10 – Jabatan Perhutanan, **RM14,643,501.00.**

**TUAN SPEAKER:** Jadual B. 10 – iaitu wang sejumlah **RM14,643,501.00** untuk Kepala B. 10 Jabatan Perhutanan menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B. 11 – Pejabat Mufti, **RM1,761,830.00**

**TUAN SPEAKER:** Jadual B. 11 – iaitu wang sejumlah **RM1,761,830.00** untuk Kepala B. 11 Pejabat Mufti menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B. 12 – Jabatan Kerja Raya, **RM119,488,965.00**

**TUAN SPEAKER :** Jadual B. 12 – iaitu wang sejumlah **RM119,488,965.00** untuk Kepala B. 12 Jabatan Kerja Raya menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B. 13 – Jabatan Pengairan dan Saliran, **RM64,222,336.00**

**TUAN SPEAKER:** Jadual B. 13 – iaitu wang sejumlah **RM64,222,336.00** untuk Kepala B. 13 Jabatan Pengairan dan Saliran menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B. 14 – Jabatan Agama Islam, **RM149,150,525.00**

**TUAN SPEAKER:** Jadual B. 14 – iaitu wang sejumlah **RM149,150,525.00** untuk Kepala B. 14 Jabatan Agama Islam menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B. 15 – Jabatan Kebajikan Masyarakat, **RM11,999,634.00**

**TUAN SPEAKER:** Jadual B. 15 – iaitu wang sejumlah **RM11,999,634.00** untuk Kepala B. 15 Jabatan Kebajikan Masyarakat menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B.16 – Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, **RM5,635,488.00**

**TUAN SPEAKER:** Jadual B. 16 – iaitu wang sejumlah **RM5,635,488.00** untuk Kepala B. 16 Jabatan Perancangan Bandar dan Desa menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B. 17– Jabatan Perkhidmatan Veterinar, **RM8,798,156.00**

**TUAN SPEAKER:** Jadual B. 17 iaitu wang sejumlah **RM8,798,156.00** untuk Kepala B. 17 Jabatan Perkhidmatan Veterinar menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B. 18 – Pejabat Daerah dan Tanah Petaling, **RM9,751,746.00**

**TUAN SPEAKER:** Jadual B. 18 – iaitu wang sejumlah **RM9,751,746.00** untuk Kepala B. 18 Pejabat Daerah dan Tanah Petaling menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Jadual B. 19 – Pejabat Daerah dan Tanah Gombak, **M9,292,173.00**

**TUAN SPEAKER :** Jadual B. 19 – iaitu wang sejumlah **RM9,292,173.00** untuk Kepala B. 18 Pejabat Daerah dan Tanah Gombak menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B. 20 – Pejabat Daerah dan Tanah Klang, **RM9,722,897.00**

**TUAN SPEAKER:** Jadual B. 20 – iaitu wang sejumlah **RM9,722,897.00** untuk Kepala B. 20 Pejabat Daerah dan Tanah Klang menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B. 21 – Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat, **RM7,953,355.00**

**TUAN SPEAKER:** Jadual B. 21 – iaitu wang sejumlah **RM7,953,355.00** untuk Kepala B. 21 Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B. 22 – Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat, **RM9,243,232.00**

**TUAN SPEAKER:** Jadual B. 22 – iaitu wang sejumlah **RM9,243,232.00** untuk Kepala B. 22 Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B. 23 – Pejabat Daerah dan Tanah Sepang, **RM6,673,181.00**

**TUAN SPEAKER:** Jadual B. 23 – iaitu wang sejumlah **RM6,673,181.00** untuk Kepala B. 23 Pejabat Daerah dan Tanah Sepang menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B. 24 Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor, **RM7,774,042.00**

**TUAN SPEAKER:** Jadual B. 24 – iaitu wang sejumlah **RM7,774,042.00** untuk Kepala B. 24 Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B. 25 – Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor, **RM8,422,495.00**

**TUAN SPEAKER:** Jadual B. 25 – iaitu wang sejumlah **RM8,422,495.00** untuk Kepala B. 25 Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B. 26 – Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam **RM8,532,729.00**

**TUAN SPEAKER:** Jadual B. 26 – iaitu wang sejumlah **RM8,532,729.00** untuk Kepala B. 26 Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B. 27 – Mahkamah Syariah, **RM8,341,001.00**

**TUAN SPEAKER:** Jadual B. 27– iaitu wang sejumlah **RM8,341,001.00** untuk Kepala B. 27 Mahkamah Syariah sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B. 29 – Perbendaharaan (Perbelanjaan Am), **RM57,680,664.00.**

**TUAN SPEAKER:** Jadual B. 29 – iaitu wang sejumlah **RM57,680,664.00** untuk Kepala B. 29 Perbendaharaan (Perbelanjaan Am) menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jumlah Perbekalan, RM1,265,250,731.00

**TUAN SPEAKER:** Jumlah Perbekalan RM1,265,250,731.00 menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Fasal 1 dan Fasal 2.

**TUAN SPEAKER:** Fasal 1 dan Fasal 2 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Jadual.

**TUAN SPEAKER:** Jadual menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dimaklumkan kepada Dewan sekarang.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Tuan Pengerusi, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Dewan bersidang semula.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker, saya mohon memaklumkan Dewan ini bahawa Rang Undang-Undang ini sudah dipertimbangkan dalam Jawatankuasa Perbekalan dan sudah dipersetujui tanpa pindaan. Oleh itu, saya mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan di hadapan Dewan ialah Rang Undang-undang ini dibacakan Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan (2010) 2009.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan suatu Rang Undang-undang bernama suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Peruntukan Diraja, 1959 dibacakan Kali Yang Pertama.

**YB TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**YB TUAN SPEAKER:** Rang Undang-undang in dibacakan Kali Yang Pertama.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Rang Undang-undang ini bernama suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Peruntukan Diraja, 1959.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Tuan Speaker, oleh sebab Rang Undang-undang ini perlu dan mustahak diluluskan pada hari ini juga, saya mencadangkan di bawah Peraturan Tetap 78 supaya ditangguhkan Peraturan Tetap 48 dan 53, bagi membolehkan Rang Undang-undang ini dibacakan pada semua peringkat dan seterusnya diluluskan.

**YB TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**YB TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Cadangan ini dipersetujui.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda Jadual Pertama kepada Enakmen Peruntukan Diraja, 1959 untuk mengambil kira perkembangan-perkembangan tahun hadapan. Di bawah Kelas II sejumlah RM190,000 telah dikurangkan daripada RM511,540.00 kepada RM321,540.00. Dalam Kelas III sejumlah RM169,799.00 perlu ditambah bagi menampung bayaran emolumen kakitangan Istana iaitu dari RM4,096,708.00 kepada RM4,266,507.00. Dalam Kelas IV, sejumlah RM592,263.00 juga perlu ditambah untuk menampung tuntutan elaun, tuntutan perjalanan kakitangan Pejabat Istana, perbelanjaan utiliti, bekalan dan penyelenggaraan Istana daripada RM10,270,497.00 kepada RM10,862,760.00. Dalam Kelas VII sejumlah RM230,772.00 perlu ditambah bagi menambahkan peruntukan bagi Elaun Orang Besar Istana dari RM564,048.00 kepada RM794,820.00 dalam Kelas VIII sejumlah RM324,002.77 dikurangkan dari RM853,802.77 kepada RM529,800.00.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Dengan penjelasan yang telah dinyatakan, maka saya dengan ini mencadangkan satu Rang Undang-undang bernama Enakmen Peruntukan Diraja (Pindaan) 2009 dibaca bagi kali kedua.

**YB TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**YB TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan ini telah pun disokong. Saya kemukakan Rang Undang-undang ini untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan di hadapan Dewan ialah bahawa Rang Undang-undang ini hendaklah dibacakan kali yang kedua sekarang.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Rang Undang-undang ini bernama suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Peruntukan Diraja 1959.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Tuan Speaker, saya memohon mencadangkan supaya Dewan ini bersidang sebagai Jawatankuasa untuk menimbang RANG Undang-undang ini fasal demi fasal.

**YB TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**YB TUAN SPEAKER :** Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Fasal 1.

**YB TUAN SPEAKER :** Fasal 1 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Fasal 2.

**YB TUAN SPEAKER:** Fasal 2 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini seperti yang telah diperbincangkan dan dipersetujui dimaklumkan kepada Dewan sekarang.

**YB TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Pengerusi, saya menyokong.

**YB TUAN SPEAKER:** Dewan bersidang semula.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Tuan Speaker, saya mohon memaklumkan Dewan ini bahawa Rang Undang-undang ini telah dipertimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui. Oleh itu, saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dibacakan Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

**YB TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**YB TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan di hadapan Dewan ialah Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Rang Undang-undang bolehlah dinamakan Enakmen Peruntukan Diraja (Pindaan) 2009.

Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya, Rang Undang-undang Enakmen Selangor King George V Silver Jubilee (Pindaan) 2009 (semua peringkat).

**YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Selangor King George V Silver Jubilee 1937 dibacakan kali yang pertama.

**YB TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**YB TUAN SPEAKER:** Rang Undang-undang ini dibacakan Kali Yang Pertama.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Rang Undang-undang ini bernama Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Selangor King George V Silver Jubilee 1937.

**YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Tuan Speaker, oleh sebab Rang Undang-undang ini perlu dan mustahak diluluskan pada hari ini juga, saya mencadangkan di bawah Peraturan Tetap 78 supaya ditangguhkan Peraturan Tetap 48 dan 53, bagi membolehkan Rang Undang-undang ini dibacakan pada semua peringkat dan seterusnya diluluskan.

**YB TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**YB TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Cadangan ini dipersetujui.

**YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Enakmen Selangor King George V Silver Jubilee 1937 dipinda adalah bagi tujuan mengemaskinikan Enakmen tersebut mengikut keadaan ekonomi dan sosial yang kian berubah dan membolehkan Selangor King George V Silver Jubilee Fund (Dana) dikelolakan dengan lebih berkesan.

Objektif Selangor King George V Silver Jubilee Fund (Dana) adalah untuk menyediakan tempat tinggal bagi kaum wanita berketurunan Cina di Negeri Selangor dan kawasan lain di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang miskin dan tua masih dikekalkan dan tidak diubah. Ini adalah kerana lokasi rumah perlindungan tersebut terletak di Jalan Loke Yew, Kuala Lumpur dan semasa Enakmen tersebut diadakan di Kuala Lumpur adalah sebahagian daripada Negeri Selangor.

Pemegang Amanah Selangor King George V Silver Jubilee (Dana) terdiri daripada Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) iaitu Yang Berhormat Ronnie Liu Tian Khiew, Yang Berhormat Teresa Kok Suh Sim dan Yang Berhormat Elizabeth Wong di mana tiga ahli yang lain iaitu Yang Berbahagia Dato' Yong Seng Yeow, Professor Datuk Dr. Abdullah Malim Baginda dan Yang Berhormat Senator Tan Sri Datuk Tee Hock Seng.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Pindaan yang dicadangkan adalah seperti berikut :

- a) Peruntukan Dana harus bertumpu terhadap penyediaan rumah perlindungan bagi wanita berketurunan Cina yang miskin dan / atau tua di Negeri Selangor dan kawasan lain di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan bagi kegunaan yang lain yang memberi faedah dan kebajikan golongan tersebut.
- b) Objektif Am Dana adalah untuk mengurangkan kemiskinan dan kesusahan di Negeri Selangor dan kawasan lain di Wilayah Persekutuan dengan penyediaan dan penyelenggaraan rumah bagi wanita berketurunan Cina yang miskin dan / atau tua, berumur di Negeri Selangor dan kawasan lain di Wilayah Persekutuan dan bagi kegunaan yang lain di negeri tersebut.
- c) Pemegang-pemegang Amanah yang akan diberi kuasa-kuasa seperti berikut :
  - i. Dana Wang (Dana): untuk mengutip derma, mengambil dan menerima hadiah dalam bentuk – aset atau wang, membayar dan membiayai perbelanjaan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh rumah perlindungan demi kesihatan, kebajikan dan kesejahteraan orang yang tua di dalam komuniti; menyediakan kemudahan, bangunan dan peralatan yang diperlukan untuk menjaga orang yang tua dan bagi pengurusan lancar rumah perlindungan tersebut; menyediakan atau membantu dalam penyediaan kemudahan di dalam rumah bagi mereka yang tua, termasuk penyediaan dan pengurusan pusat kesihatan dan rekreasi, bilik sembahyang dan bilik rehat; mengelolakan sebarang Tabung Amanah Amal; dan melakukan segala yang perlu bagi kebaikan rumah tersebut.



- ii. Mengumpul Dana (*Dana Raising*): mengutip dana, membuat rayuan derma, menerima derma dan hadiah dan mendapatkan, mengutip dan menerima wang dan dana.
- iii. Penerimaan Dana (*Further Endowments*) dengan izin: menerima derma lain dan penganugerahan yang lain bagi Dana tersebut dan juga bagi apa-apa objektif yang khusus berkait dengan Dana.
- iv. Pengumuman Amanah dengan izin (*Declaration of Trust*): memegang amanah Dana dan juga pendapatan dari Dana untuk pembaikan dan penyelenggaraan am rumah perlindungan dan juga pembayaran semua wang keluar yang berkait dengan penyelenggaraan rumah perlindungan, penyediaan makanan dan kemudahan di rumah perlindungan tersebut; pembayaran kos pergi dan balik dari rumah perlindungan tersebut; dan dalam apa-apa keadaan yang difikirkan patut bagi membolehkan orang yang tua untuk menikmati kemudahan yang disediakan, dengan syarat bahawa Pemegang Amanah akan mempertimbangkan sejauh mana kemampuan kewangan orang yang tua dan memastikan bahawa kos makanan dan kemudahan yang disediakan kepada orang yang tua diminimumkan sebanyak mungkin.
- v. Penggunaan Rumah Perlindungan dengan izin (*Use of The Home*): Menggunakan dan membenarkan rumah perlindungan digunakan sebagai rumah berehat, bersembuh dan rekreasi bagi manfaat mereka yang tua dan berdasarkan peraturan-peraturan yang akan ditentukan oleh Pemegang Amanah.
- vi. Penjagaan Orang Tua Pada Waktu Siang dengan izin (*Provision of Day Care*): menyediakan Pusat Penjagaan Siang bagi yang orang tua menggunakannya sebagai kemudahan dan aktiviti penjagaan siang sahaja; dan Pemegang Amanah akan mengutip derma yang akan dikecualikan cukai pada bila-bila masa bagi penyediaan dan pengurusan perkhidmatan penjagaan siang.
- vii. Pelantikan Pekerja dengan izin (*Employment*): Pemegang Amanah tidak dimestikan melaksanakan apa-apa dengan sendiri tetapi diberikan kuasa untuk melantik sebagai agen atau orang gaji untuk melaksanakan semua atau apa-apa urusan yang diperlukan dan berhak membenarkan membayar semua *charge* dan kos yang terbabit dan tidak bertanggungjawab atas kemungkiran agen ataupun orang gaji ataupun apa-apa kerugian yang dialami atas lantikannya.
- viii. Sukarelawan dengan izin (*Voluntary*): Pemegang Amanah berhak mengambil dan membantu dalam pengambilan pekerja sukarelawan di dalam dan bagi rumah perlindungan.
- ix. Pengurusan Harian Rumah Perlindungan dengan izin (*Daily Management of Home*): pengurusan harian rumah perlindungan akan dilaksanakan oleh Jawatankuasa EXCO yang ditubuhkan pada 2001 bagi tujuan ini. Ini termasuk segala pengurusan aspek-aspek seharian yang perlu bagi rumah perlindungan Jawatankuasa EXCO iaitu bertanggungjawab sepenuhnya dalam hal ini dan perlu menjawab kepada Pemegang Amanah dalam semua hal.

- x. Pelaburan dengan izin (*Investment*): Pemegang Amanah boleh melabur, membeli dan menjual aset bergerak dan tidak bergerak pada bila-bila masa yang di fikir perlu. Pemegang Amanah boleh melakukan apa-apa urusan kewangan yang difikirkan perlu bagi pengurusan rumah perlindungan yang sebaiknya.
- xi. Perakaunan dengan izin (*Accounting*): Pemegang Amanah boleh membuka seberapa banyak akaun di seberapa banyak bank yang difikirkan perlu bagi pengurusan rumah perlindungan yang sebaiknya.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dengan penjelasan yang telah diberikan tadi, maka dengan ini saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang ini dibacakan bagi kali yang kedua.

**YB TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan ini telah pun disokong. Saya kemukakan Rang Undang-undang ini untuk dibahaskan.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang terhormat sekalian, cadangan di hadapan Dewan ialah bahawa Rang Undang-undang ini hendaklah dibacakan kali yang kedua sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. DIPERSETUJUI.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Rang Undang-undang ini bernama Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Selangor King George V Silver Jubilee 1937.

**YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini bersidang sebagai Jawatankuasa untuk menimbangkan Rang Undang-undang ini fasal demi fasal.

**YB TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Fasal 1

**TUAN SPEAKER:** Fasal 1 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang terhormat yang Bersetuju sila kata Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. DIPERSETUJUI.

**TUAN SPEAKER:** Fasal 1 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang terhormat yang Bersetuju sila kata Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. DIPERSETUJUI.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Fasal 3

**TUAN SPEAKER:** Fasal 3 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang terhormat yang Bersetuju sila kata Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. DIPERSETUJUI.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Fasal 4

**TUAN SPEAKER:** Fasal 4 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang berhormat yang Bersetuju sila kata Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. DIPERSETUJUI.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Fasal 5

**TUAN SPEAKER:** Fasal 5 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang berhormat yang bersetuju sila kata Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. DIPERSETUJUI.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Fasal 6

**Tuan Speaker:** Fasal 6 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang berhormat yang bersetuju sila kata Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. DIPERSETUJUI.

**YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini seperti yang telah diperbincangkan dan dipersetujui dimaklumkan kepada Dewan sekarang.

**YB TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Dewan bersidang semula.

**YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Tuan Pengerusi, saya mohon memaklumkan Dewan ini bahawa Rang undang-undang ini telah dipertimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui sepenuhnya tanpa Pindaan. Oleh itu, saya mencadangkan supaya Rang undang-undang ini dibacakan Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

**YB TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan di hadapan Dewan ialah Rang Undang-undang ini Dibacakan kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan ini sila kata Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak Bersetuju sila kata Tidak. DIPERSETUJUI.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Selangor King George V Silver Jubilee (Pindaan)2009. Aturan urusan mesyuarat seterusnya Usul Anggaran Peruntukan Pembangunan 2010.

**YB TUAN ISKANDAR B. A. SAMAD:** Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang berhormat sekalian, saya dengan sukacitanya memohon membawa satu usul di dalam Dewan yang mulia ini yang berbunyi seperti berikut:-

“ Bahawa menurut Subseksyen 4(3) dan Seksyen 9, Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, Dewan ini membuat ketetapan bahawa peruntukan sebanyak RM590, 400,000.00 yang dinyatakan dalam Anggaran Peruntukan Pembangunan 2010, yang dibentangkan di hadapan Dewan mengikut Subseksyen 4(1)Akta yang sama,seperti mana terdapat di Jadual, hendaklah diluluskan.”

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sejumlah RM1,300,000,000 adalah diperuntukkan di dalam Anggaran Bajet Negeri Selangor untuk perbelanjaan tahun 2010. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM 590,400,000 telah disumbangkan melalui Kumpulan Wang Pembangunan yang terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan. Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM590,400,000 untuk projek-projek pembangunan Negeri Selangor pada tahun 2010. Pecahan mengikut Kepala adalah seperti di Usul Pembangunan 2010.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

#### **P.1 Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri:**

1. Sejumlah RM 218,000,000 diperuntukkan di bawah Vot Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri. Daripada jumlah tersebut, RM35,932,000 diperuntukkan untuk projek Mesra Rakyat atau Perkhidmatan Masyarakat(P.K.1) dan RM20,600,010 untuk Pembangunan Luar Bandar (P.K.2) di mana sejumlah RM9,800,000 diperuntukkan untuk Projek Ekonomi Kecil dan RM10,800,010 untuk Pembangunan Kampung.
2. Peruntukan Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri juga diagihkan kepada Perbandaran (P.K.4) sejumlah RM12,408,050, Perpustakaan (P.K.7) sejumlah RM31,056,040, Istana (P.K.8) sejumlah RM310,400 dan Usahawan (P.K.10) sejumlah RM2,500,000.
3. Bagi Pembangunan Sosial (P.K.11) pula, Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah RM45,580,040 dan diagihkan kepada Pembangunan Insan sejumlah RM38,550,010; Wanita sejumlah RM1,000,000; Belia dan Sukan sejumlah RM4,500,000; dan Rumah Kos Rendah sejumlah RM1,530,030. Manakala sejumlah RM300,020 pula diperuntukkan di bawah Pusat Latihan (P.K.12); Pembangunan Institusi Pentadbiran (P.K.13) sejumlah RM1,000,050 diperuntukkan.
4. Selain itu, peruntukan Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri diagihkan juga untuk Pelancongan (P.K.14)RM8,700,020; Kajian (P.K.15)RM2,500,000; Pembangunan Teknologi Maklumat (P.K.16) RM9,000,000; Perikanan(P.K.17) RM300,000; Jabatan PERHILITAN (P.K.18)RM20,020; Balai Cerap (P.K.19) RM1,200,000; Pengambilan Balik Tanah (P.K.20)RM27,680,000; Pelbagai (P.K.21)RM11,213,120 dan Dasar Kerajaan Negeri (P.K.22)RM7,700,030.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian:

#### **P.4 Perbendaharaan Negeri (Projek Am)**

Sejumlah RM16,000,000 disediakan di bawah Jabatan Perbendaharaan untuk projek-projek am.

#### **P.5 Perbendaharaan Negeri.**

Sejumlah RM1,000,000 diperuntukkan untuk Pembangunan Komputer di bawah Jabatan Perbendaharaan Negeri Selangor.

#### **P.8 Jabatan Pertanian**

Sejumlah RM12,000,000 diperuntukkan di bawah Vot Pertanian (P.8). Daripada jumlah tersebut, RM860,000 adalah untuk Pembangunan Tanah Agroteknologi (P.K1); RM7,180,010 untuk Pembangunan Tanaman Makanan (P.K.2); RM560,000 untuk Pembangunan Tanaman Industri (P.K.3); RM200,000 untuk Pembangunan Industri Bunga dan Tanaman Hiasan (P.K.4); RM1,200,000 untuk Pembangunan Industri Asas Tani (P.K.5); RM1,150,000 untuk Pembangunan Pusat-pusat Teknologi Pertanian (P.K.6), RM100,010 untuk Pembangunan Pertanian Bersepadu(P.K.10) RM200,000 untuk Pembangunan Teknologi Maklumat (P.K.11); untuk Perkhidmatan Pengembangan dan Perundingan (P.K.12) RM549, 890 sementara

#### **P.10 Jabatan Perhutanan**

Sejumlah RM5,140,000 diperuntukkan di bawah Jabatan Perhutanan untuk melaksanakan pelbagai projek seperti Program Pengurusan Sumber Hutan(P.K.1) sejumlah RM900,000; Program Pembangunan Sumber Hutan (P.K.2) sejumlah RM1,555,080; Program Perhutanan Masyarakat (P.K.3)sejumlah RM1,150,050; Program Pembangunan Tenaga Manusia/Infrastruktur (P.K.4) sejumlah RM1,250,020; Program Pemuliharaan dan Pemulihan Alam Sekitar (P.K.5) sejumlah RM235,010; dan Program Seranta Pengembangan Perhutanan (P.K.6) sejumlah RM49,840.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian;

#### **P.12 Jabatan Kerja Raya**

Sejumlah RM142, 790,000 telah diperuntukkan di bawah Vot ini. Sebahagian besar peruntukan tersebut akan digunakan untuk pelbagai Rancangan (P.K.1) sebanyak RM25,990,000; Kerja-kerja Permulaan Projek(P.K.2) RM7,100,000; Membina Jalan dan Jambatan (P.K.3) sebanyak RM40,500,000 dan Menaik taraf Jalan dan Jambatan (P.K.4) iaitu sejumlah RM69,200,000.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian;

#### **P.13 Pengairan dan Saliran**

Sejumlah RM33,900,000 diperuntukkan di bawah Vot ini. Peruntukkan tersebut diagihkan kepada aktiviti Pelbagai Rancangan (P.K1) sebanyak RM7,640,000; Rancangan Saliran (P.K.2) sebanyak RM1,000,000; Rancangan Mencegah Banjir (P.K.3) sebanyak RM20,220,000; Kerja-kerja Kecil Mencegah Banjir (P.K.4) sebanyak RM500,000; Projek Barat Laut (P.K.6) sebanyak RM50,000 dan Pelbagai Projek (P.K.7) sebanyak RM2,000,000.

Selebihnya diperuntukkan untuk Menurap Jalan-jalan Ladang(P.K.8) iaitu sebanyak RM500,000 dan Pembedungan Kekotak (P.K.9) sebanyak RM500,000.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian;

#### **P.14 pula Jabatan Agama Islam**

Sebanyak RM123,501,000 diperuntukkan di bawah Vot ini. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM61,550,970 disediakan untuk Projek Pembinaan Sekolah-sekolah Agama (P.K. 1); sejumlah RM11,500,160 untuk Pembinaan Bangunan Pejabat-pejabat Agama (P.K. 2); RM46,151,110 untuk Pembinaan Masjid (P.K. 3) dan RM4,298,730 untuk projek Pelbagai (P.K. 7).

#### **P.16 Jabatan Perancang Bandar Dan Desa**

Sebanyak RM2,418,000 diperuntukkan di bawah Vot ini. Pecahan ini diwujudkan sebagai pengkhususan kepada aktiviti Kajian dan Pembangunan (R & D) di mana sejumlah RM400,000

untuk Rancangan Pembangunan (P.K. 1), RM450,000 untuk Perancangan Dasar (P.K. 2) dan RM1,568,000 untuk Kajian Khas Perancangan (P.K. 3).

#### **P.17 pula Jabatan Perkhidmatan Veterinar**

Sejumlah RM6,580,000 diperuntukkan di bawah Vot ini. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM774,968 disediakan untuk Transformasi Industri Lembu Pedaging (P.K. 1); RM560,685 untuk Pembangunan Industri Fidot (P.K. 2); sebanyak RM542,205 untuk Pembangunan Insaniah dan Usahawan Industri Asas Tani (P.K. 3); sebanyak RM620,500.00 untuk Transformasi Industri Kambing / Bebiri (P.K. 5); sebanyak RM584,940 untuk Pembangunan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (KTPM) dan Taman Agrotek Negeri (P.K. 6); RM500,060 untuk Pejabat Perkhidmatan Haiwan (PHK) Negeri, Daerah dan Pusat Haiwan Kecil (P.K. 7); RM230,050 untuk Rancangan Kawalan Pencemaran (P.K. 8); RM680,587 untuk Transformasi Industri Lembu Tenusu (P.K. 9); RM344,350 untuk Rancangan Ternakan Unggas (P.K. 10); RM1,189,990 untuk Rancangan Penternakan Ayam Kontrak (P.K. 11); sebanyak RM151,199 untuk Rancangan Ternakan Rusa (P.K. 12); sebanyak RM100,150 untuk Rancangan Memelihara Kebajikan dan Kesejahteraan Haiwan (P.K. 13); serta sejumlah RM300,210 untuk Kawalan Penyakit (P.K. 14).

#### **Sementara P.27 Jabatan Kehakiman Syariah**

Sebanyak RM872,000 diperuntukkan di bawah Vot ini untuk membangunkan Institusi Mahkamah Syariah (P.K. 1).

#### **P.29 Perbendaharaan Negeri (Perbelanjaan Am / Luar Jangka)**

Sejumlah RM28,189,000 diperuntukkan bagi memenuhi keperluan luar jangka.

Tuan Speaker Dan Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian;

Memandangkan bahawa kita telah pun membahaskan peruntukan pembangunan dengan panjang lebar, maka saya dengan ini memohon supaya Usul ini diluluskan.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat, Yang Berhormat tadi ada bacakan Jadual? Hah! Sila bacakan Jadual.

**YB TUAN ISKANDAR B. A. SAMAD:** Tidak ada.

**TUAN SPEAKER:** Hah! Sila bacakan Jadual.

**YB TUAN ISKANDAR B. A. SAMAD:** Kita kembali kepada Jadual Anggaran Pembangunan 2010, Kepala P. 1 - Jabatan Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Peruntukan RM218,000,000.00. P. 4 – Perbendaharaan Projek Am RM16,000,000.00. P. 5 – Perbendaharaan RM1,000,000.00. P. 8 – Jabatan Pertanian RM12,000,000.00. P. 10 – Jabatan Perhutanan RM5,140,000.00. P. 12 – Jabatan Kerja Raya RM142,790,000.00. P.13 – Jabatan Pengairan Dan Saliran RM33,910,000.00. P. 14 – Jabatan Agama Islam – RM123,501,000.00. P.16 – Jabatan Perancangan Bandar dan Desa RM2,418,000.00. (Batuk) P.17 - Jabatan Perkhidmatan Veterinar RM6,580,000.00. P.27 - Jabatan Kehakiman Syariah (Batuk) RM872,000.00. P. 29 – (Batuk) (Mohon maaf) – Perbendaharaan Am / Luar Jangka RM28,189,000.00 dan jumlah besarnya adalah RM590,400,000.00. Terima kasih.

**YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli yang Berhormat Sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini adalah suatu usul yang telah dibawa oleh wakil Y.A.B. Dato' menteri Besar iaitu Anggaran Peruntukan Pembangunan 2010. Oleh itu saya kemukakan usul ini untuk dibahaskan.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan.

**YB TUAN NG. SUEE LIM:** Terima kasih, Tuan Speaker. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk membahaskan Usul Pembangunan dan dua tiga perkara ingin saya utarakan. Yang pertamanya, dalam berkenaan permasalahan pertanian. Kerajaan Negeri telah menghulurkan bantuan demi bantuan sebagai insentif kepada golongan petani khususnya petani-petani di Daerah Sabak Bernam dan di DUN Sekinchan khususnya dan baru-baru ini saya telah memberi cadangan, ya saya akan mengemukakan cadangan agar pihak Kerajaan dapat mengadakan satu insentif yang baru bagi pihak Kerajaan Negeri iaitu mengadakan satu pertandingan, pertandingan meningkatkan hasil, pencapaian hasil padi, pencapaian hasil padi bertujuan untuk memberi satu galakan secara langsung kepada para petani di seluruh daerah Sabak Bernam untuk mereka bersaing antara satu sama lain untuk meningkatkan hasil pengeluaran padi dan saya cadangkan juga kalau boleh diadakan kategori-kategori yang khusus, misal kata kategori individu pencapaian tertinggi individu setiap musim dan akan diberikan insentif yang tertentu berupa ganjaran wang tunai atau pun yang lain-lain untuk menggalakkan mereka bekerja keras, dengan gigih, ya menggunakan teknik-teknik yang terbaharu untuk mencapai peningkatan pengeluaran hasil padi yang tertinggi. Itu satu.

Yang Kedua, boleh bagi kita, bagi kategori kumpulan secara blok kerana apa yang kita sedia maklum perbezaan di antara petani-petani Cina dan petani-petani Melayu serta India di kawasan Sekinchan ataupun di daerah Sabak Bernam keseluruhannya ada perbezaan di mana peningkatan pencapaian hasil pengeluaran petani-petani Cina di kawasan Sekinchan agak tinggi, lebih tinggi daripada yang di Sawah Sempadan ataupun di Sabak Bernam. Di kawasan Sungai Besar dan sebagainya. Kalau kita adakan kumpulan secara blok mungkin dalam blok tersebut ada antara Cina, antara Melayu dan India mereka boleh berganding bahu untuk bertukar teknik penanaman padi supaya masing-masing dapat mempelajari antara satu sama lain agar satu hari nanti petani-petani kita juga semuanya tidak kira bangsa mencapai teknik penanaman padi yang terbaik untuk meningkatkan hasil. Ini saya minta, Yang Berhormat EXCO Negeri agar memperhalus cadangan saya ini tujuan untuk meningkatkan hasil padi di Sekinchan, jelapang padi Negeri Selangor ini. Ini khususnya bagi pertanian dan saya juga minta perhatian yang serius daripada Yang Berhormat EXCO Kerajaan Negeri khususnya dalam pertanian sebab pertanian ini merupakan yang satu sektor yang cukup penting dalam membangunkan ekonomi negeri Selangor dan tolong perhatikan hal yang saya timbulkan tempo hari tentang monopoli penjualan bebas padi oleh syarikat-syarikat swasta, pengilang benih padi swasta yang diberi subsidi tertinggi oleh Kementerian Pertanian yang dahulunya satu tan apabila pengilang membeli dengan petani, pihak Kerajaan memberi subsidi sebanyak RM500.00 tetapi pada musim ini telah ditambah, satu tan menjadi RM1,035.00. Maknanya penambahan 100%, Tuan Speaker. Penambahan 100% subsidi kepada pengilang-pengilang tetapi harga sekarang yang saya dapat, yang saya diberitahu tetap RM1,400.00 satu tan. RM1,400.00 satu tan seperti musim yang lalu tetapi penambahan subsidi daripada Kerajaan bertambah 100% iaitu daripada RM500.00 kepada RM1,035.00. Hah! Kalau keadaan sedemikian kita biarkan, yang untung ialah dua syarikat yang dimonopoli iaitu Syarikat Haji Md. Nor di Parit 8 dan Syarikat Kejora Resa Sdn. Bhd. di Alor Setar kerana mereka memiliki kuota subsidi yang terbanyak. Itu satu. Yang kedua, kalau Kerajaan nak membakar duit seperti ini kepada syarikat-syarikat kroni, saya cadangkan lebih baik duit-duit ini disalurkan kepada petani-

petani melalui bantuan subsidi kerana sekarang ini sejak puluh tahun kerajaan memberi subsidi setiap tan kepada pulangan, pulangan setiap tan kepada petani. Satu tan ialah RM248.10 setiap tan apabila petani menjual padi mereka dapat subsidi RM248.10. Kalau boleh subsidi ini disalurkan kepada petani naikkan RM248.00 ini kepada RM500.00 satu tan supaya semua tak kira Cina, Melayu, India petani-petani di kawasan Sabak Bernam, Kuala Selangor dan seluruh Malaysia dapat menikmati subsidi ini. Jangan kita biarkan dua syarikat kroni memonopoli subsidi wang rakyat, wang daripada Kerajaan. Saya minta Yang Berhormat EXCO tolong pantau perkara ini. Suarakan dalam mesyuarat-mesyuarat dengan Kerajaan Pusat. Itu berkenaan dengan petani.

Yang Kedua, saya juga nak ambil perhatian tentang masalah berkenaan dengan JPS. Di DUN Sekinchan ini, baru-baru ini JPS telah membuat satu benteng penahan penambak pasir di Sungai Sekinchan. Di Sungai Sekinchan hanya dengan 50 meter. Walau pun penambahan tersebut dapat menolong mengurangkan lambakan pasir di muara sungai Sekinchan tetapi saya berpandangan masih tidak cukup. Saya minta kalau boleh dengan kelulusan perbelanjaan yang ada pada Dewan yang mulia ini, pada bajet kali ini kita dapat tahun depan tambah lagi panjang 100 meter lagi penambak pasir ini supaya masalah-masalah longgokan pasir di muara Sungai Sekinchan ini dapat diselesaikan kerana angkara lambakan pasir ini, bot-bot nelayan khususnya Permit B, hendak masuk ke dalam tidak dapat masuk kadang-kadang kerana terlalu cetek dan kadang-kadang telah menyebabkan mesin-mesin sangkut mereka rosak dan sebagainya. Ini satu ancaman kepada nelayan-nelayan. Oleh itu, saya minta Jabatan Pengairan dan Saliran ambil perhatian dan kalau boleh tambahkan peruntukan tahun depan 2010 ini dan tambah lagi 100 meter benteng penambak pasir. Hah! Ini antara suara berapa perkara permasalahan yang ingin saya utarakan. Sekian sahajalah, terima kasih Tuan Speaker.

**YB PUAN LEE YING HA:** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Teratai.

**YB PUA LEE YING HA:** Ya, Teratai ingin mengambil alih, *sorry*. Mengambil bahagian dalam perbincangan pembangunan, muka surat 232 butiran 0100 membaik pulih cerun. Boleh bahas di sinikan.

**TUAN SPEAKER:** Pembangunan, ya.

**YB PUAN LEE YING HA:** Pembangunan sebab saya sudah baca itu buku, ada satu peruntukan untuk membaik pulih cerun sahaja jadi Teratai ingin mengetahui adakah ini baik pulih cerun ada termasuk peruntukan yang Teratai mohon sebelum ini. Sebenarnya, satu tahun sebelum ini berlaku beberapa kes kejadian tanah, batu runtuh bukan tanah runtuh. Batu runtuh di Bukit Permai DUN Kawasan Teratai, jadi

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat, Yang Berhormat rujuk kepada mana ni

**YB PUAN LEE YING HA:** Ini P.12.

**TUAN SPEAKER:** P.12.

**YB PUAN LEE YING HA:** Ya, muka surat 232, butiran 01000 kod 01001. Ya. Baru-baru ini kita, saya diberitahu Kerajaan sudah membelanja RM1 juta dan PBT Majlis Ampang Jaya membelanja RM1 juta jumlahnya RM2 juta untuk membaik pulih cerun di Bukit Permai tapi yang



saya difahamkan kalau nak membaik pulih seluruh bukit itu, kita minta sejumlahnya RM4 juta jadi kekurangan RM2 juta jadi saya tak faham adalah membaik pulih cerun itu adalah termasuk sebahagian RM2 juta yang Teratai memohon sebelum ini. Walau bagaimanapun, Teratai juga mengadakan beberapa mesyuarat bersama dengan PBT, Ahli Majlis dan Pemaju Perkuat Kuari dalam satu tahun ini sejumlah dua kali mesyuarat. Tujuan kita bermesyuarat adalah kita nak Pemaju itu mengambil tanggungjawab sebab seluruh Bukit Permai hampir 90% dibangunkan oleh Pemaju tersebut tetapi Pemaju tersebut tidak membaik pulih cerun itu dan sebelum ini telah diserahkan kepada Kerajaan. Jadi sekarang mereka kata, inilah tanggungjawab Kerajaan. Jadi mereka nak elakkan diri dalam membaik pulih atau memperuntukkan wang untuk menjalankan kerja-kerja ini. Jadi sekarang mereka kata inilah tanggungjawab kerajaan, jadi mereka nak elakkan diri dalam membaik pulih ataupun memperuntukkan wang untuk menjalankan kerja-kerja ini. Jadi mengikut laporan IKRAM dan *Geology* yang saya terima tahun lepas, tahun ini, maaf jelas mengatakan bahawa pemaju mesti menstabilkan cerun-cerun di Bukit Permai sebelum memulakan kerja, tetapi pemaju tidak berbuat demikian. Apabila kita runding bersama dengan pemaju, pemaju pula bagi kita syarat-syarat, kalau kita nak mereka memperuntukkan itu wang, mereka memberi syarat supaya mereka tidak diberikan wang tetapi bagi satu banglo yang mereka sedang dibangunkan, tapi untuk kita banglo tidak mencukupi dan syarat, bukan sahaja bagi banglo mereka memberi syarat kepada kerajaan supaya, kita hendak membantu pemaju itu, supaya tukarkan itu rizab, rumah kota bumiputera kepada non-bumiputera. Jadi saya rasa ini syarat-syarat yang dibagikan adalah tidak munasabah. Saya sudah berusaha dua kali dan saya berharap kerajaan sini boleh memberi bantuan kepada saya supaya runding bersama dengan pemaju itu sebab ini RM2 juta sebenarnya adalah tanggungjawab pemaju yang membelanjakan untuk menjaga keselamatan sekeliling dan kawasan perumahan tetapi mereka gagal melakukan kerja-kerja tersebut, jadi dan juga saya berasa pemaju itu tidak ikhlas dan komited dalam menyelesaikan dalam masalah-masalah yang ditimbulkan. Jadi saya berharaplah pihak EXCO boleh bercampur tangan dalam isu ini sebab ini adalah tanggungjawab pemaju dan itu bukan kerajaan, itu tidak adil kalau kerajaan yang membelanjakan semua RM4 juta ini tapi ialah kalau katakan *director-director* ataupun syarikat tersebut enggan bekerjasama, saya mencadangkan supaya pemaju itu disenaraihitamkan dan mereka tidak boleh menjalankan apa-apa pembangunan di kawasan Selangor. Sekian sahaja, terima kasih.

**YB PUAN GAN PEI NEI:** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Rawang

**YB PUAN GAN PEI NEI:** Terima kasih kepada Tuan Speaker, saya ingin menarik perhatian Kerajaan Negeri dalam usaha kita meningkatkan kualiti hidup rakyat di dalam negeri Selangor supaya dengan memberi peruntukan yang lebih kepada menaiktarafkan infrastruktur umpamanya jalan ataupun sistem pengaliran dan saliran dalam DUN masing-masing di negeri. Seumpamanya di kawasan Rawang, Jalan B27 iaitu satu jalan negeri yang amat penting yang menghubungkan kawasan Rawang dengan DUN-DUN yang berhampiran. Jalan ini sebenarnya telah dijanjikan untuk dinaiktarafkan sejak 10 tahun yang lepas, tapi sampai sekarang belum lagi diambil usaha yang berkenaan dan penduduk terpaksa duduk dalam jem selama berjam-jam sahaja untuk *travel* dengan izin dari Pekan Rawang ke rumah mereka masing-masing yang tidak jauh jaraknya. Jadi saya minta Kerajaan Negeri boleh ambil langkah yang proaktif untuk mengatasi masalah ini, sebab di kawasan jalan itu bukan sahaja penduduk yang menggunakan tetapi terdapat beberapa *industri park* dengan izin yang penting yang duduk di sekitar itu sebab kedudukan yang strategik yang berhampiran dengan Lebuhraya NKEV dan Rawang Tol.

Yang keduanya berkenaan dengan projek mengatasi banjir. Ini adalah amat penting disebabkan dengan sistem pengaliran dan saluran yang baik ia dapat mengurangkan ataupun kerugian bukan sahaja dari segi harta tetapi Kerajaan Negeri juga boleh dielakkan ataupun dikurangkan dimarah oleh penduduk disebabkan tidak prihatin dengan isu-isu banjir dalam negeri kita. Misalnya di kawasan Rawang, Projek Pembesaran Sungai Rajang yang sepatutnya habis pada hujung tahun 2007 tetapi telah ditangguhkan dengan sebegitu lamanya disebabkan kontraktor, kontraktor yang tidak mampu menyiapkan kerja dengan mengikut piawaian yang betul dan saya difahamkan kontraktor tersebut telah ditamatkan tetapi sampai sekarang saya tidak dimaklumkan mengenai perkembangan terbaharu mengenai projek ini dan saya telah banyak kali menulis surat kepada JPS Selangor sejak tahun lepas untuk minta supaya satu kajian yang lebih menyeluruh bukan sahaja dibuat mengenai Projek Pembesaran Sg. Rajang ini tetapi mengenai sistem saluran dan pengaliran di seluruh DUN Rawang khasnya berkenaan dengan isu banjir termasuk juga sistem perparitan di kawasan Taman Gading Jaya, Rawang dan saya telah minta supaya satu perjumpaan diadakan dengan konsultan ataupun Pengarah JPS Selangor sejak tahun lepas juga tetapi malangnya saya tidak menerima sebarang makluman mengenai cara macam mana hendak mengatasi masalah-masalah seperti ini. Jadi saya berharap pihak Kerajaan Negeri boleh memberi perhatian yang penting kepada dua-dua projek yang utama dalam DUN Rawang ini.

Yang ketiganya saya ingin menyentuh tentang perbandaran khasnya dari segi penyediaan kawasan rekreasi untuk penduduk-penduduk tempatan di kawasan masing-masing terutamanya dari segi penyediaan Taman Kanak-kanak ataupun Taman Rekreasi sebab saya nampak khasnya dalam kawasan DUN Rawang Taman Kanak-kanak tidak di *maintain* dengan izin atau dijaga dengan baik dan banyak peralatan telah rosak dan tidak dijaga walaupun aduan telah banyak kali diadukan kepada Pihak Berkuasa Tempatan iaitu MPS dan saya minta supaya Kerajaan Negeri membuat satu kajian yang lebih menyeluruh di seluruh negeri mengenai keperluan penduduk tempatan khasnya di setiap DUN dengan nisbah kepadatan penduduk dan keperluan mereka untuk dapatkan satu tempat rekreasi baik untuk kanak-kanak atau untuk orang muda, itu sahaja. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Kampung Tunku.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Tuan Speaker, Kampung Tunku juga ingin bangun bahas dan menyokong usul ini tapi ucapan Kampung Tunku tidaklah panjang hanya beberapa perkara yang tentang peruntukan di bawah P1 – Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri di mana terdapat beberapa dan juga di bawah mungkin di bawah Jabatan Pertanian. Saya ingin bertanya tentang perkembangan beberapa projek yang pernah di bawakan oleh kerajaan sebelum ini misalnya Projek Penternakan Babi Secara Bersepadu di kawasan Tumbuk, Penubuhan Pusat Kebudayaan Cina di Klang. Saya rasa di peringkat dasar saya pernah membangkitkan secara sedikit tentang perkara-perkara *specific* seperti ini saya ingin mendapat satu maklum balas ataupun kemiskinan, pengemaskinian status terbaharu projek-projek ini, kerana projek ini telah banyak ditanya di peringkat akar umbi dan telah banyak diwar-warkan semasa kita mengambil alih kerajaan setahun yang lalu tetapi sehingga sekarang kita nampaknya belum ada apa-apa lagi perkembangan terbaharu khususnya dalam Projek Penternakan Babi Bersepadu di Tumbuk ini, kita tak tahu apa telah berlaku kepada projek ini dan kita pun tak tahu sama ada kerajaan menghadapi masalahnya, apa-apa masalah dan jikalau ada mengapa kita tidak dimaklumkan dengan masalah ini dan biar kita berterus terang macam mana kita boleh menyelesaikan masalah ini.

Begitu juga dengan Pusat Kebudayaan Cina, perkembangan yang terbaharu dan saya juga Tuan Speaker, saya juga ingin membangkitkan di sini tentang Jabatan Kerja Raya tidak ada

apa-apa cadangan *specific* tetapi pelaksanaan *open* tender, sama ada Kerajaan Negeri sekarang bersedia untuk melaksanakan proses *open* tender secara terbuka seratus peratus dan bukannya terikat dengan perintah ataupun pekeliling daripada (MOF) Kementerian Kewangan tentang *foeman* dengan izin saya dengan itu saya ingin ucapkan, menamatkan ucapan saya dan minta maklum balas daripada Kerajaan Negeri. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Tuan Speaker, menarik perhatian tentang anggaran pembangunan daripada Pejabat Menteri Besar. Saya merujuk kepada ucapan Dato' Menteri Besar pada tahun yang lalu menyatakan kerugian yang dialami oleh Kerajaan Negeri Selangor hasil daripada tindakan pembahagian tanah secara pawah adalah RM30 bilion bagi tempoh 30 tahun dan Dewan yang mulia ini telah membuktikan bahawa sebahagian daripada perkara tersebut adalah benar apabila kerajaan telah membeli balik hutang daripada Talam Corporation bernilai RM392 juta. Jadi saya ingin mencadangkan kepada Dewan yang mulia ini, agar satu proses yang sistematik, teratur dan proaktif dilakukan agar Kerajaan Negeri memperuntukkan belanjawan tertentu bagi memahami, meneliti dan mengkaji kerugian RM30 bilion dalam tempoh 30 tahun yang berjumlah RM1 bilion setahun yang telah berlaku dalam tempoh pentadbiran kerajaan yang lama agar pendapatan ini boleh dikembalikan kepada negeri dan kepada rakyat dan dengan itu juga saya melihat bahawa beberapa peraturan sebagaimana yang dinyatakan oleh Kampung Tungku tadi proses tender hendaklah diperkemaskinikan. Sekiranya peruntukan pembangunan diperlukan hendaklah diperuntukkan agar proses untuk membolehkan pembangunan di negeri Selangor khususnya bagi pembinaan setinggan (peneroka bandar) dilakukan dengan teratur. Di tempat saya di Kampung Fajar terdapat kawasan yang boleh dibangunkan cuma pendekatannya dari segi keutamaan adakah hendak menggunakan GLC dengan izin seperti PKNS ataupun kerjasama di antara PKNS dengan syarikat swasta, ataupun menswastakan terus ataupun dengan membuka tender kerjasama di antara anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor dan syarikat swasta. Jadi ini merupakan satu perancangan pembangunan yang perlu diatur dengan begitu baik sekali.

Kemudian menarik perhatian tentang Jabatan Agama Islam. Merujuk kepada laporan Ketua Audit Negara dalam muka surat 36 khususnya berkaitan dengan KAFA. Menurut laporan Ketua Audit Negara bagi Negeri Selangor tahun 2008, muka surat 36 menyatakan secara keseluruhannya pengurusan Program KAFA adalah tidak memuaskan kerana pengauditan yang dijalankan menunjukkan banyak kekurangan terhadap pengurusan KAFA. Semua kelemahan yang ada tidak memberi imej yang baik kepada pendidikan agama Islam. Ini merujuk kepada anggaran, Buku Anggaran Perbelanjaan 2010 Selangor muka surat 267 Kod 01000. Saya menyarankan agar pengagihan yang lebih selaras untuk memberi *respons* dan reaksi yang baik kepada Laporan Audit Negara Negeri Selangor dilakukan agar apa yang dinyatakan dalam Laporan Audit sebagai semua kelemahan yang ada tidak memberi imej yang baik kepada pendidikan Islam akan dapat diatasi.

Merujuk juga kepada Jabatan Agama Islam, saya tidak nampak dalam peruntukan pembangunan Jabatan Agama Islam tentang *research* ataupun penyelidikan, sedangkan saya tahu, sampai maklumat kepada saya yang boleh diteliti dan disemak semula bahawa bagi Peruntukan Belanjawan 2009 telah berlaku satu aktiviti *research* (penyelidikan) di mana beberapa orang pensyarah dari Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia telah dilantik untuk membuat penyelidikan dari bulan Oktober 2008 hingga Mac 2009 dengan jumlah RM79,000.00 bagi membuat kajian tentang aliran-aliran kefahaman di kalangan umat Islam khususnya apa yang dikatakan sebagai fahaman Wahabi. Jadi persoalannya adakah peruntukan yang ini merupakan peruntukan pembangunan yang telus sifatnya dan apakah

skop, matlamat *outcome* dengan izin yang hendak dikaji daripada penyelidikan tersebut dan apakah proses ini merupakan proses yang jelas kumpulan sasarannya ataupun merupakan satu kajian ilmiah semata-mata yang nanti kita kawatir hasil daripada kajian ilmiah ini akan menasarkankan satu kumpulan yang tidak ditemui yang tidak diberikan peluang untuk mempertahankan pandangan dan pendirian mereka tentang sesuatu perkara.

Perkara ini Tuan Speaker, telah saya timbulkan dalam apa yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam tentang himpunan ajaran, amalan dan fahaman yang telah di fatwa dan diwartakan menyeleweng dan di mana saya telah menarik perhatian Dewan ada pihak yang merasakan haknya tidak dibela, suaranya tidak didengar sedangkan mereka didakwa sebagai penganut satu amalan yang tidak diterima. Jadi saya ingin menarik perhatian Dewan agar selaras dengan dasar kerajaan yang mengamalkan syura dan demokrasi untuk memberikan keadilan sewajarnya dan dengan ini saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian jam sudah menunjukkan 1.00 petang maka saya menangguhkan Dewan sehingga 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

**( Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari )**

( Dewan disambung semula )

( Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat )

**TUAN SPEAKER:** Dewan disambung semula. Ya, silakan Batu Caves

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih, Tuan Speaker dan saya rasa turut hati dapat bersama-sama untuk membahaskan usul belanjawan pembangunan ini. Tuan Speaker, sebagaimana mana telah dimaklumkan dalam belanjawan ini dan juga telah disebut oleh YAB Menteri Besar pembentangan beberapa hari lalu bahawa kita mencita-citakan untuk mendapat kemajuan atau pun mendapat cemerlang dalam SUKMA 2010. Namun dalam bajet pembangunan PK4 Perbandaran yang merumuskan untuk Majlis Sukan Negeri tidak ada peruntukan yang sangat besar atau pun hanya RM10. Saya rasa ia akan sedikit sebanyak mengganggu dan tidak dapat menepati cita-cita tersebut kerana menurut daripada pengalaman di Sukan Negeri yang saya dapat perolehi bahawa pentadbiran Majlis Sukan Negeri untuk SUKMA pada 2010 adalah sekitar RM5 juta dan kita memerlukan satu peruntukan yang besar dan peruntukan yang ini untuk memastikan kejayaan dan pencapaian atlet kita dalam SUKMA 2010 mencapai satu tahap yang baik. Justeru saya memohon jawapan dan juga memohon perancangan apa yang telah dibuat oleh Kerajaan untuk memastikan kita benar-benar mampu mencapai kedudukan yang istimewa dan menjadi kembali juara dalam SUKMA 2010. Tuan Speaker, dalam pembangunan sukan sebenarnya kita tidak boleh melihat sesuatu itu dalam tempoh pendek. Justeru itu kita harus melihat kepada satu proses pembangunan yang komprehensif dan pembangunan sukan yang meliputi pelbagai peringkat dan umum serta golongan. Majlis Sukan sebagai contoh telah membuat sedikit reformasi pembangunan dan Majlis-majlis Sukan Daerah di mana kita telah meletakkan bahawa Majlis-majlis Tempatan tertentu di setiap daerah untuk mengendalikan program pembangunan sukan yang dilantik menjadi Pengerusi Majlis Sukan Daerah. Satu lonjakan yang jelas dapat dilihat dalam SUKSES atau pun Sukan Selangor Tahun 2009 tahun ini yang dibuat berselang daripada SUKMA melihat pencapaian beberapa Majlis yang telah mencapai pencapaian hampir meningkat 150% atau pun 100% Daerah seperti Kuala Selangor dan Daerah Kuala Langat akibat kita telah memberikan Pengerusi-pengerusi ini di kalangan Pengerusi Majlis Tempatan. Namun kepimpinan itu masih tidak cukup jika tidak dapat diperuntukkan sejumlah wang yang tepat atau benar untuk membangunkan aktiviti sukan. Dalam kira-kira RM100,000 diperlukan di setiap daerah dan kita ada 45 Persatuan di sekeliling Majlis Sukan Negeri yang diperuntukkan sekitar RM50,000 setahun untuk Program-program Pembangunan Sukan. Ini daripada sejarah pembangunan sukan bagi tahun-tahun sebelum ini sehingga tahun ini 2009 kerana kita mendapat geran RM5 atau pun RM6 juta daripada Kerajaan Negeri sebelum ini yang mana telah habis pada tahun ini. Justeru saya berharap Kerajaan Negeri dapat melihat dan memastikan bahawa program pembangunan sukan ini benar-benar mampu dikendalikan serta mampu mencapai tahap yang terbaik dan menepati cita-cita yang sasaran yang telah disebutkan oleh YAB Dato' Menteri Besar dalam pembangunan sukan mahu menjadi juara SUKMA dan menjadi jaguh sukan di Negeri Selangor atau pun di seluruh negeri ini. Dari konteks kemudahan dan pembangunan sukan, saya bergembira dengan peruntukan yang telah dikeluarkan untuk Belia dan Sukan di bawah 1400 PK11 Sosial dan merangkumi program-program Belia dan Sukan dengan ada satu perkara yang dikatakan dengan baik pulih serta menaik taraf infrastruktur sukan di seluruh Negeri Selangor yang diperuntukkan sekitar RM1 juta. Bagi saya ini adalah satu usaha yang baik di mana kita boleh menyediakan kemudahan-kemudahan serta naik taraf dan kemudahan sukan yang telah dibina sebelum ini di mana tidak ada budaya pemantauan dan budaya *maintenance* dengan izin atau pun penyelenggaraan yang menyebabkan banyak daripada pemantauan secara rambang yang telah dibuat oleh

Pembantu-pembantu EXCO Sukan dan banyak peralatan atau pun kemudahan-kemudahan sukan tidak terjaga dan akhirnya didiami oleh samak lalang, ular, belalang dan sebagainya. Tuan Speaker justeru saya juga ingin menyarankan supaya membaik pulih serta menaik taraf infrastruktur sukan ini di ketengahkan satu bidang infrastruktur naik taraf infrastruktur dan baik pulih Sukan dan Belia kerana sebahagian daripada tempat tersebut kita nampak sesuai untuk dijadikan lokasi pembangunan belia bersama. Sebagaimana yang sedia maklum kita telah menubuhkan PeBt Penggerak Belia Tempatan Tahun secara rasmi sejak awal tahun ini. Kita telah mulakan banyak program dan mereka ini perlukan satu *space* ataupun satu wadah dan satu ruangan dan satu tempat untuk mereka beraktiviti mengetengahkan pandangan mereka dan saya rasa ini sangat perlu untuk mengukur lagi teras pertama belanjawan kita yang mahu demokrasi tulen di kalangan masyarakat. Justeru saya kira RM1 juta bukan hanya untuk sukan sebaiknya atau pun sebaliknya lebih elok atau pun lebih baik digunakan untuk pembangunan belia dijadikan tempat untuk belia mengetengahkan pandangan mereka dari sudut kebudayaan mungkin mahupun *Arts* yang lain dan juga mungkin boleh menjadi seperti di Hyde Park, di UK di mana mereka boleh mengetengahkan pandangan-pandangan mereka di luar pandangan biasa yang mungkin kita boleh kawal mengikut undang-undang yang sedia ada. Tuan Speaker, tahun depan tahun 2010 katakan sebagai tahun untuk kita mempopularkan Selangor sebagai destinasi pelancongan dengan temanya "*Shining Selangor*". Oleh itu saya melihat ada kepentingan utama di Batu Caves kita ada satu tempat yang dinamakan sebagai Gua Damai. Gua Damai ini meliputi beberapa kawasan dan tempat yang terkenal tempat yang paling sukar di Malaysia selain di Gua Musang. Satu tempat lagi di *Gua Damai* Batu Caves di Negeri Selangor merupakan tempat yang antara sukar seperti *Rock Climbing* atau pun tempat memanjat batu, batu ini yang diadakan di kawasan yang sangat menarik dan dikhabarkan lebih daripada 27 laluan yang boleh digunakan. Kalau kita berkesempatan datang saya boleh menceritakan setiap hujung minggu kawasan itu tidak kurang hampir 30 ke 40 pemanjat-pemanjat bukit ini yang berlatih menggunakan di kalangan warga tempatan mahupun warga luar negara. Jadi saya menyeru dalam promosi dan pelancongan serta memajukan serta menaik taraf produk pelancongan ini dapat menyediakan tempat itu dengan sempurna kerana pada ketika ini tidak ada pemantauan kepada mereka-mereka yang menggunakan aktiviti sukan lasak tersebut. Akhirnya mereka tidak ada pendaftaran, mereka tidak ada insurans kalau memanjat dan kalau ada apa-apa bencana dan musibah melanda mereka tidak ada dibiayai atau pun di *covered* ataupun tidak dilindungi oleh insurans-insurans tertentu dan boleh menyebabkan kawasan tersebut tertinggal dan orang tidak lagi gemar. Justeru ini satu aset yang sangat penting yang boleh dikembangkan saya khabarkan ini dilibatkan tentang Majlis Perbandaran Selayang dikhabarkan Majlis Perbandaran Selayang bertanggungjawab terhadap tempat itu namun peruntukannya tidak cukup justeru saya menyeru negeri untuk melihat sama ada Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor atau pun mana-mana Badan yang dirasakan sesuai untuk mengawal selia kawasan tersebut. Di samping itu kita menyediakan kemudahan-kemudahan dan asas seperti Chalet kebanyakan mereka menginap dan mereka berkhemah di bawah tempat tersebut. Mereka tidak ada Chalet-chalet yang ringkas atau pun tempat tinggal yang ringkas dan kebetulan di situ berhampiran di situ adanya satu kawasan pelancongan *homestay* yang baru nak di buat di Sg Kertas yang saya rasa boleh dijadikan sebagai satu jaluran atau pun jaringan pelancongan yang sangat menarik yang boleh di gunakan dan di samping itu kita boleh jadi Eco Tourism ini sebagai satu sumber pendapatan atau pun sumber daya tarikan pelancongan di Negeri Selangor yang boleh meningkatkan lagi kualiti serta mencapai cita-cita Tahun Melawat Selangor pada tahun 2011. Saya ingin merujuk kepada pembangunan Jabatan Pengairan dan Saliran yang memperuntukkan lebih kurang RM1 juta untuk penebatan banjir. Sebagaimana yang saya sebutkan dalam ucapan perbahasan yang tidak dijawab oleh EXCO saya rasa tak sempat kerana beliau banyak masa menjawab tentang JAIS pada ketika itu sekali lagi supaya penebatan banjir ini dapat difokuskan dengan masa yang terdekat untuk mengelakkan masalah yang lebih besar berlaku. Saya ulang balik hampir

RM1,000 rumah di sekitar Batu Caves dan di kawasan Gombak Setia kawasan EXCO terlibat dalam banjir ketika beberapa hari yang lalu dan disebabkan klasifikasikan banjir tersebut adalah banjir kilat masalah yang melanda penduduk-penduduk kerosakan itu tidak boleh ditanggung dengan duit bencana yang telah diperuntukkan kerana klasifikasinya adalah banjir kilat yang tidak termasuk di dalam bencana. Justeru kalau kita betul-betul ingin mengelakkan masalah banjir ini di kawasan Sg Batu dan Sg. Udang dan kawasan sekitar iaitu perparitannya dan sebagainya saya memohon penumpuan untuk mengelakkan dari terus berlaku. Kerana kita tidak boleh menjamin hujan yang turun itu pada kadar yang biasa. Lebih-lebih lagi pada ketika ini dunia sedang ditimpa dengan gejala yang dipanggil *Climate Change* yang dengan izin yang menukar suhu, menukar cuaca dengan sungguh drastik yang mengakibatkan masalah banjir dan juga masalah-masalah yang *extreme* yang boleh menyebabkan masalah alam sekitar dan mengakibatkan kita dalam berada keadaan yang kurang baik. Saya meminta komitmen yang jelas bagaimana untuk menyelesaikan masalah ini dalam jangka pendek. Paling kurang untuk mengurangkan masalah tersebut jika berlakunya kadar hujan yang mencapai 100mm atau pun 200mm yang berlaku Sabtu lepas atau pun Sabtu dua minggu yang lalu ia akhirnya menyebabkan satu kawasan yang tidak terkawal 1,000 orang menderita esoknya orang tidak boleh bekerja dan pihak Jabatan Pengairan dan Saliran, MPS Majlis Perbandaran Selayang, Pejabat Tanah terpaksa bekerja lebih masa, ADUN-ADUN terpaksa berjalan hampir dua tiga jam meredah banjir dan sebagainya. Yang saya rasa tidak menyelesaikan masalah banjir saya ulang balik *we just fund the flood* kita hanya membiayai banjir-banjir tersebut tidak menyelesaikan masalah itu secara keseluruhan. Tuan Speaker, saya memohon, Terima kasih.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Tuan Speaker

**TUAN SPEAKER:** Bangi

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Terima kasih, Tuan Speaker. Bangi berdiri untuk membahaskan sama Bajet Pembangunan 2010 terutama di bawah VO1 lebih khususnya Bil. 8 tentang muzium. Jadi sebagaimana kita maklum Perbadanan Enakmen Muzium kita telah luluskan pada sidang yang lepas dan permuziuman yang diperbesarkan kepada Enakmen Perbadanan Warisan Adat Melayu telah diluluskan dan di dalam ini peruntukan nominal ini hanya RM50 tetapi Perbadanan Muzium ini adalah suatu yang penting dari segi membina identiti Negeri Selangor sendiri yang kita sebutkan Negeri Selangor tidak mempunyai identiti. Kita berterima kasih kepada satu kumpulan pakar profesor-profesor kebanyakan dari Universiti Kebangsaan di samping Universiti Malaya dan beberapa institusi yang lain yang telah berjaya mengujudkan satu rangka dasar Perbadanan Warisan Adat Melayu dan kita bermesyuarat pada yang terakhir ini baru ini pada 29 Oktober 2009 untuk mengadakan pelancaran Perbadanan ini yang berkemungkinan kalau Tuanku bersetuju iaitu kemungkinan bulan tiga atau bergantung kepada kelulusan Perkenan Tuanku. Walau macam mana saya nak sebutkan kumpulan profesor ini telah bekerja telah bertungkus lumus sejak saya ingat setahun lebih yang lepas tanpa mengira masa dan tenaga malangnya saya selalu dibisikkan oleh profesor-profesor ini mereka ini kebanyakannya kawan saya tapi dia malu nak sebut '*direct*' dia bisik-bisik saya mereka bekerja sejak lama tidak ada apa diberi elaun dan bayaran hingga kita dah siap satu Enakmen yang agak lengkap dan kalau kita tengok pertemuan kita pada 29 Oktober yang kita harap kemuncak yang dihadiri oleh mereka nampaknya tak ramai yang datang. Saya ingat ini sebagai proteslah agaknya kita tak memberi layanan dari segi ialah sekurang-kurangnya elaun perjalanan mereka patut dibagi juga so saya harap sebelum ini kita pergi lebih jauh mereka ini hendaklah diberi perhatian kalau tidak mereka tidak akan bekerjasama dengan kita lagi, kita akan rugi tidak mendapat idea dan bantuan. Saya nak sebut menda ini banyak memberi sumbangan kepada kita ialah Profesor Madya Dr. Anuar Omar Din, dialah yang merangka banyak dari segi Enakmen dan perlu diingat untuk membina permuziuman kita atau pun

Enakmen Perbadanan kita ini sebenarnya memerlukan peruntukan yang besar kerana sebenarnya semua aspek yang melibatkan kehidupan kita masyarakat di Selangor dan boleh dijadikan bahan permuziuman mulai daripada pakaian kita, makanan kita, tempat tinggal kita, permainan kita, alat-alat pekerjaan kita, kenderaan kita dan berbagai-bagai lagi. Itu semua boleh dijadikan permuziuman dan kita sebenarnya memerlukan satu pasukan pakar untuk meneliti kepentingan-kepentingan bahan untuk dimuziumkan sebagai identiti Menteri Selangor kita ini. Umpamanya kita dari segi pengisian permuziuman kita, kita boleh umpamanya mengkaji dari segi bangunan-bangunan istana-istana lama, daripada umpamanya istana-istana Sultan Hishamuddin Alam Shah yang agak penting yang dia menjadi satu institusi yang kita banggakan kerana istana ni di hadiah kepada pendidikan kita yang menjadi satu tempat pengajian tinggi terawal di Malaysia, lebih awal daripada Universiti Malaya 1956 didirikan di Klang yang sekarang menjelma sebagai UIA dan ini sebenarnya sebagai bahan yang penting. Begitu juga istana Jugra dan sebagainya, begitu juga masjid-masjid yang banyak di tempat kita. Masjid daripada yang tradisionalnya hingga membawa yang modennya, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, ini memang sudah menjadi terkenal satu tanda bagi negeri Selangor, dikenali di negeri Selangor sebagai masjid yang indah itu. Begitu juga banyak yang tradisional juga misalannya di Hulu Langat khususnya di Kajang di bawah DUN Bangi, ada satu masjid Haji Muhammad Samad, masjid tua. Masjid ini dibina sejak 1920 an lagi. Baru-baru ini nak diruntuhkan jadi kita ada kalangan yang menyedari tentang kepentingan. Masjid ini kiblatnya tidak berapa betul, zaman dulu dia ukur barangkali tidak berapa betul tapi unik dan identitinya sebagai masjid lama dan baru ni kita nak tambah dengan masjid baru kita cuma sambungkan saja jadi yang tradisional tu masih kita pertahankan dan kita telah menulis surat tentang permuziuman ini untuk menjadikan dia sebagai salah satu daripada bahan bangunan masjid antara yang tertua di Selangor. Mungkin banyak lagi masjid-masjid yang tertua begitu juga barangkali tempat-tempat ibadat yang pada kaum-kaum lagi yang kita perlu juga gali yang kita abadikan sebagai tempat ibadat pelbagai kaum daripada kaum cina, India dan sebagainya. Begitu juga tuan-tuan dan puan-puan, kita perlu menggali tentang tradisi tulisan yang berada di negeri Selangor. Kita tertarik umpamanya Sultan Hishamuddin Alam Shah tu sendiri adalah ulama yang mengarang kitab, mungkin kita tidak tahu dia mengarang kitab dan kitab dihasilkan dan dia sendiri menjadi khatib membaca khutbah di masjid. Jadi ini sebagai salah satu bahan sejarah yang penting. Dia juga ulama dan dia jugalah yang menghadihkan dan mengurniakan istana menjadi Kolej Islam yang saya sebutkan menjadi sebagai tempat pengajian tinggi Kolej Islam yang pertama di Malaysia sebagai pengajian moden di samping pengajian tradisi. Begitu juga tuan-tuan dan puan-puan kita boleh ADUN-ADUN sekalian kita boleh mengkaji tradisi pendidikan di negeri kita di Selangor. Kita dimaklumkan sekolah yang terawal, sekolah moden kita ialah Methodist Anglo Chinese School di Klang. Itu dikatakan yang terawal yang ditubuhkan pada 10 Mac 1893, jadi ni boleh menjadikan satu artifak sekolah terawal, moden yang didirikan di Negeri Selangor. Jadi sebelum diruntuhkan kita mesti ambil perhatian supaya ia dijaga sebagai sekolah terawal di negeri kita iaitu Methodist Anglo Chinese School, Klang. Begitu juga yang saya sebutkan tadi Sekolah Kolej Islam yang ditubuhkan 1956 dalam mana semua Duli-duli Yang Maha Mulia Sultan-sultan seluruh negara yang datang pada upacara perasmian istana itu menjadi Kolej Islam, so kita perlu pertahankan Kolej Islam tu yang masih ada sikit yang lama tu sebagai identiti yang terawal dari segi pengajian moden kita di negeri Selangor hinggalah membawa kepada pengajian-pengajian moden yang memang banyaklah hingga kepada kita kata sekarang UNISEL, KUIS, Universiti Islam Antarabangsa dan sebagainya. Begitu juga benda ni mendapat maklumat tentang kota-kota lama yang perlu kita pertahankan seperti Kota Melawati, Gedung Raja Abdullah ini bangunan-bangunan tradisi yang kalau kita tidak sedar mungkin akan diruntuhkan dan hilang dari segi maklumat daripada kita. Istana Jugra yang saya katakan tadi. Begitu juga sebagai sebuah negara yang maju kita banyak bergantung kepada industri-industri dan perusahaan terutama bijih timah. Bijih timah ni adalah hasil yang terawal dan memperkenalkan Selangor dan menjadikan Selangor ni kaya



dan menjadi daya tarikan yang akhirnya Selangor menjadi pusat pemerintahan Negara Malaysia atau Malaya pada masa dulu. So itu juga bahan-bahan kesemua ini bahan milik Persekutuan, itu adalah hak Negeri Selangor yang perlu kita kaji dan kita pertahan dan kita rekod sebagai bahan-bahan awal di Negeri Selangor untuk kita abadikan dia. So begitu juga industri dari segi timah, saya fikir sebelum kehabisan semua bahan-bahan tempat melombong timah yang dipanggil 'drash', barangkali dah tak berapa adil, mungkin anak kita sekarang pun tak kenal, jadi sebelum dia habis ini perlu pasukan-pasukan pengkaji perlu abadikan dan kalau boleh wujudkan balik sebagai satu contoh tempat pengeluaran bijih timah yang penting di negeri Selangor kita ni dan begitu juga tokoh-tokoh yang berusaha dari segi mengeluarkan bijih timah ini seperti Yap Ah Loi, Raja Abdullah dan sebagai lagi, Raja Mahadi, jadi itu ada ditulis dalam buku-buku sejarah tetapi kita perlu gali dan mengabadikan dan tunjuk kepada masyarakat melalui permuziuman ini yang menjadikan Selangor ni negeri maju. Begitu juga dari segi Pelabuhan, Klang kita adalah dari segi sejarahnya 'poor,' kalau kita tengok dalam peta-peta hari ini, ini sebelum Masihi lagi ertinya Klang tu berada dalam peta yang dilukis oleh Tulimi. So, ertinya Klang barangkali boleh kita kaji tentang tradisi dia bahkan sebenarnya di Klang itu telah ditemui satu gendang dong son. Gendang dong son ada ditemui hanya di beberapa tempat di Kuala Terengganu, di Klang dan benda ni di Vietnam. Ini mencerminkan satu masyarakat zaman dong son iaitu zaman awal Masihi. Ini yang mencerminkan ertinya Klang ni salah satu tempat tertua dan ia menjadi pelabuhan hubungan dagang bukan saja dengan ke alam Melayu tetapi juga dengan dunia luar barangkali ini perlu dikaji dengan lebih dalam sejauh mana Klang ni menjadi tempat perdagangan sejak dahulu kala lagi sehingga sekarang. So kita kena kaji dan ini perlu kepada pakar-pakar dalam bidang yang berkenaan. Begitu juga dari segi perdagangan antara Selangor dengan kawasan setempat. Selangor ni umpamanya dengan Aceh memang ada disebut dengan jawa tetapi barangkali kita nak kaji lebih jauh daripada itu ke mana perkembangan ertinya hubungan Klang yang menjadi Selangor tua, dulu nama Selangor tidak begitu dikenali yang dikenali ialah Klang, kemudian pada tu baru dikenali Selangor sendiri. Begitu juga perusahaan-perusahaan rakyat yang selalu kita sebut tempe, kerepek dari segi makanan, pakaian dan berbagai-bagai lagi. Pendek kata semua apa yang digunakan oleh manusia yang menduduki Selangor ni dari tradisi orang aslinya dan sebagainya hingga ke moden ini boleh dijadikan bahan-bahan permuziuman tetapi untuk mengkaji perlu kepada pakar-pakar untuk menilai dan cara persembahan dari segi permuziuman tentang pada semua peralatan juga perlu kepada kepakaran. Tapi walau macam mana kalau kita nak lebih lengkap dan sempurna kita perlukan peruntukkan yang besar sebagai sebuah muzium yang sempurna, jadi kita mengharap barangkali bajet kita nominal yang lima puluh ringgit boleh jadi lima puluh juta agaknya, akan datang bergantung kepada bagaimana kita boleh mengemukakan peruntukkan yang sesuai bagi kita membina permuziuman kita dan kita harap Insya-Allah ia menjadi satu identiti yang akan menaikkan imej Selangor kita melalui berbagai-bagai unsur yang kita akan bina di dalam permuziuman itu. Sekian, Tuan Speaker.

**YB PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA:** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Melawati.

**YB TUAN MUTHIAH A/L MARIA PILLAY:** Terima kasih Tuan Speaker, Bukit Melawati ingin mengambil bahagian dalam peruntukan pembangunan 2010 vot 28 pertanian. Bagi tahun 2009 sektor pertanian menyumbang sebanyak 1.3 kepada KDNK Negeri dan dijangka menguncup kepada kadar 1% pada tahun 2010. Bagaimanapun Kerajaan Negeri tetap memfokuskan usaha untuk memperkasakan sektor pertanian melalui pendekatan pertanian moden dalam sub sektor kecil perikanan, ternakan dan penanaman padi. Saya akan tumpu kepada sub sektor kecil pada perikanan. Banyaknya masalah mereka di kawasan Bukit Melawati terutamanya kerana kewujudan kolam udang. Di kawasan DUN Bukit Melawati terdapat lebih daripada

1,000 nelayan yang bergantung pada hasil laut sebagai sumber rezeki bagi menampung kehidupan tetapi sejak 15 tahun yang lalu sumber pendapatan mereka terjejas. Ini adalah kerana projek penternakan udang secara komersial oleh JW Properties untuk tujuan ini kerajaan negeri telah meluluskan pemberian tanah berdekatan laut berjumlah 1,051.5 ekar kepada PKPS, Api-api Agriculture, Rentis Alam, Tetangga Bahagia, Syarikat Vision Pian dan juga Persatuan Nelayan Kuala Selangor. Ke semua tanah ini telah disewakan kepada JW Properties untuk penternakan udang. Golongan nelayan di Mukim Api-api dan kawasan sekitarnya di Asam Jawa kini menghadapi beberapa masalah di antaranya kawasan keseluruhan garisan pantai telah di pagar dijadikan kawasan larang. Ini bermakna para nelayan tidak dapat jalan untuk turun ke laut. Dan juga air yang tidak dirawat daripada kolam-kolam ternakan udang mencemarkan ekosistem laut dan menjejaskan sumber pendapatan nelayan. Oleh yang demikian, saya memohon Kerajaan Negeri supaya mengambil langkah-langkah berikut bagi memastikan kebajikan kaum nelayan di Asam Jawa terjamin. Keperluan nelayan adalah seperti ini :

- i. membenarkan nelayan menggunakan paloh ataupun anak sungai, menghampiri kawasan pantai dan hutan bakau untuk mencari hasil laut.
- ii. Jalan-jalan di kawasan ini perlu diperbaiki dan menyelenggarakan dalam taraf yang baik.
- iii. Paloh atau anak Sungai Bukit Rotan dan juga Asam Jawa perlu didalamkan dan JPS perlu ambil tindakan untuk mengatasi masalah endapan lumpur.
- iv. Membina sebuah jeti di Sungai Bukit Rotan dan juga di Sungai Asam Jawa untuk kegunaan nelayan.
- v. Dan air buangan kolam dipastikan selamat sebelum dialirkan keluar. Pastikan juga bau pencemaran udara tidak berlaku.
- vi. Membina gerai-gerai untuk jualan hasil laut.
- vii. Membina bengkel bagi penyelenggaraan enjin dan sampan.
- viii. Menyelesaikan masalah berkaitan pemberian lesen dan keanggotaan persatuan kepada nelayan khususnya kepada pemuda.
- ix. Bantuan untuk membeli sampan bot, sampan ataupun bot dan juga enjin perlu dapat disediakan untuk nelayan.
- x. Keutamaan diberi kepada pekerja tempatan oleh penternak udang J W Properties dengan gaji yang berpatutan.
- xi. Menubuhkan satu dana untuk kebajikan dan pendidikan anak-anak nelayan tempatan khususnya untuk kawasan Asam Jawa dan amnya keseluruhan Daerah Kuala Selangor.

Sumbangan tahunan, kata Briged Malaysia RM250,000.00 perlu ditambahkan untuk dana ini oleh J W Properties. Tuntutan ganti rugi atau pampasan perlu diberi kepada semua nelayan dan kehidupannya terjejas kerana aktiviti penternakan udang. Satu Kampung Tersusun dalam kata 20 ekar perlu disediakan. Kalau 20 ekar boleh muat 120 lot dengan surau, dewan, padang

permainan, tadika, perpustakaan dan lain-lain kemudahan asas. Dalam perkara ini juga, haraplah Kerajaan Negeri dapat tunaikan perkara-perkara ini dalam kata 12 bulan yang akan datang. Dalam perkara ini juga saya menarik perhatian Dewan ini tentang nasib kaum pekerja ladang di kawasan ini juga. Skim perumahan pekerja ladang juga tidak dapat dilaksanakan dengan jayanya. Apakah lagi dengan kebajikan mereka. Tiga, empat hari yang lalu, saudara Yang Berhormat Kota Alam Shah dengan penuh emosinya telah menyuarakan keadaan yang menyedihkan kedudukan kaum India di Negeri Selangor. Fahamkan emosinya, beliau telah ditahan di bawah ISA selama lebih dari 18 bulan kerana dia memperjuangkan hak kaum India di Malaysia. Apa yang dia suarakan adalah benar. Tetapi saya pandang perkara ini dari segi berlainan. Untuk saya, hak sesuatu kaum dalam dunia kata Red Indians di Amerika ke atau Maori di New Zealand. Ini hak dia, adalah terikat kepada 4 perkara sahaja. Satu bahasa kaumnya, keduanya agamanya, ketiga kebudayaan, keempat sejarah. Ini 4 sahaja hak kaum. Hak-hak lain seperti pendidikan, kesihatan, perumahan, pekerjaan, perniagaan, keadilan dan lain-lain kemudahan asas perlu dituntut atau *champion* sebagai hak rakyat, *Right of The Citizen*. Bukannya sebagai hak kaum. Rakyat pilih satu kerajaan untuk memenuhi hasrat rakyat. Itulah tugas utama Dewan ini. Dengan ini saya menyokong usul anggaran peruntukan pembangunan 2010.

**YB TUAN LEE KIM SIN:** Tuan Speaker.

**YB PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ia, lepas ini saya hanya membenarkan 5 minit seorang ya? Kajang, Kajang.

**YB TUAN LEE KIM SIN:** Terima kasih Tuan Speaker. Kajang ingin, terima kasih pada Dewan untuk mengambil bahagian dalam perbahasan usul-usul dan pertama kali dirujuk kepada perkara di mana muka surat 1259 Perkara P.08 Jabatan Pertanian. Ada beberapa perkara yang kita nampak dan peruntukan yang diberi itu dan juga perkembangan terkini yang kita nampak tak begitu merangsangkan. Misalnya kita nampak pada muka surat 160, Kod 02000 Pembangunan Tanaman Makanan. Kita dapati tanaman yang kini ada seperti padi, buah-buahan, sayur, kelapa, kesemua ini merupakan pembangunan dari segi pertanian yang dianggap sebagai *old economy*. Ekonomi di mana dia berasaskan tanaman-tanaman yang agak primitif ataupun dari segi nilai tambahan dia memang agak kurang. *The value added* itu memang kurang. Maka penghasilan itu juga menggunakan tanah yang agak meluas dan jikalau kita melihat di Selangor satu negeri yang memang kawasan tanah dia memang terhad dan juga mahal dari segi nilainya. Kalau di banding dengan negeri-negeri lain di seluruh Semenanjung ataupun di Sabah Sarawak. Jadi dengan ini ekonomi yang baru yang memang berasaskan dikatakan *hightech* dan juga hasil-hasil yang lebih bernilai. Nilai tambahan yang ada padanya ataupun bernilai tinggi hasilnya harus kita galakkan. Kita nampak juga ada usaha dari segi kerajaan untuk membangunkan sektor di mana melibatkan *hightech* dan juga nilai-nilai yang tinggi ini. Seperti kita nampak di agroteknologi. Kita ada taman-taman agroteknologi yang banyak yang dalam laporan bajet kita peruntukan sebanyak RM860,000.00. Tetapi kalau kita tinjau dengan teliti bersama dengan beberapa lagi seperti kita dapati ada juga pusat-pusat pembangunan teknologi pertanian termasuk pusat-pusat di daerah-daerah dan kawasan-kawasan. Kesemua pusat-pusat ini kita nampak dalam keadaan yang tenat. Misalnya di Hulu Langat. Kita ada satu pusat agroteknologi, satu taman di mana pembangunan yang memang agak terbengkalai sehingga diambil alih dan diberi kepada swasta. Dan keadaan ini memang di seluruh Selangor kita nampak pembangunannya tak dipantau. Maka ini akan merupakan satu kerugian. Lagi-lagi dia memberi implikasi bahawa kerajaan kita tidak mengambil berat ataupun

tidak begitu serius akan pembangunan pemodenan ataupun transformasi pertanian di dalam Negeri Selangor kita ini. Kita nampak

**TUAN SPEAKER:** Satu minit.

**YB TUAN LEE KIM SIN:** Satu minit lagi? Jadi ini adalah satu perkara yang serius harus kita memang ambil berat. Perkara yang kedua berkaitan dengan Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Selangor yang seperti tadi disebut oleh rakan saya di Bangi. Adat Melayu sektor ini telah diberi peruntukan RM1.8 juta akan tetapi tidak disebut Warisan Selangor. Bagaimana dengan jawatankuasa yang duduk di dalam perbadanan ini ataupun lembaga dalam perbadanan ini, siapa yang terlibat, adakah ia merangkumi adat Melayu dan juga Warisan Selangor? Kita tak tahu lagi dan kita dengar dalam masa yang terdekat ini akan ada pelancaran. Kita nampak dalam peruntukan. Peruntukan untuk budaya, kebudayaan, alam sekitar, orang asli masing-masing hanya RM500,000.00, RM350,000.00, orang asli RM500,000.00. Kesemua ini memang nampak terlalu sedikit dan saya tak tahu kenapa. Adakah EXCO-EXCO berkaitan tidak ada rancangan untuk pembangunan dalam sektor-sektor ini? Atau Kerajaan Negeri masih belum, belum lagi dapat memberi perhatian terhadap pembangunan dalam sektor ini kerana dia hanya lebih kepada infrastruktur-infrastruktur pembangunan ekonomi. Kita kata negeri maju dan rakyat sejahtera. Kesejahteraan ini bukan sahaja pembangunan dari segi ekonomi dan juga infrastruktur-infrastruktur yang berkaitan tapi ia lebih kepada pembangunan insaniah dan juga kerohanian untuk menjamin ada kesejahteraannya. Satu perkara yang saya hendak bangkitkan berkaitan dengan perpustakaan iaitu pada Kod 08003 Perpustakaan Cawangan Kajang di mana Perpustakaan Kajang sekarang setiap bulan kena bayar RM8,000.00 sewa kepada tuan bangunan tersebut dan kita dapati memang kurang sangat pelanggan-pelanggan atau orang yang pergi ke perpustakaan ini. Saya bercadang kita pindahkan perpustakaan sebegini. Memang ada lagi di seluruh Selangor banyak lagi perpustakaan menghadapi masalah yang sama. Jadi Kajang mencadangkan kita dalam rancangan di mana terdapat dalam rancangan infrastruktur, struktur pelan di Perbandaran Kajang akan ada dicadangkan satu Dataran Kajang. Dataran Kajang ini kita buat perancangan secara bersepadu di mana perpustakaan ini boleh ada di tempat dan taman ini dan ada galerinya, ada tempat di kraf tangan seninya dengan adanya memang sudah wujud satu galeri sate di situ. Jadi bersepadu dan membangunkannya menjadikan satu tempat yang ilmuwan dan riadah dan hijau di tempat itu. Sekian sahaja, terima kasih.

**YB PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ia, Taman Medan.

**YB PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Terima kasih. Terima kasih kepada Tuan Speaker kerana memberi peluang saya untuk membahaskan usul peruntukan pembangunan. Saya ingin menyentuh beberapa perkara di bawah peruntukan Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan. PK, berkaitan dengan pembangunan sosial PK11, Rumah Kos Rendah sejumlah RM1,530,000.00. Saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya memperbaiki keadaan yang ada di rumah-rumah kos rendah yang sedia ada kerana banyak permasalahan berkaitan dengan pemilihan ruang untuk padang permainan anak-anak yang didapati adalah ruang-ruang yang berlebihan di tapak-tapak perumahan dijadikan ataupun ditukarkan menjadi padang permainan. Dan didapati pemilihan ini begitu tidak sesuai kerana ia berjauhan daripada tempat perumahan tersebut dan dikhuatiri tidak selamat bagi anak-anak untuk bermain.

Yang keduanya masalah kurangnya ruang parkir di kawasan rumah-rumah kos rendah ini mengakibatkan berlakunya perselisihan faham di antara penduduk sendiri dan juga kompromi dari segi keselamatan. Apabila kenderaan diletakkan di kedua-dua belah bahu jalan, begitu kecil ruang untuk sekiranya ada kebakaran, jentera ataupun kereta bomba untuk menggunakan jalan tersebut, itu tidak dapat digunakan. Jadi saya lihat sekiranya kita tidak mengambil pendekatan yang serius terhadap kekurangan parkir di rumah-rumah kos rendah ini, mungkin akan berlaku satu tragedi jika berlakunya keadaan kebakaran.

Dan ketiganya, penyelenggaraan lif yang terdapat di rumah-rumah kos rendah ini terutama sekali di kawasan Taman Medan telah menimbulkan ketegangan dan tekanan ke atas penghuni-penghuni pangsapuri kos-kos rendah ini. Dan saya lihat ini mungkin akan menjadi pencetus kepada pergaduhan atau perkelahian. Saya mohon di ambil perhatian serius tentang penggunaan atau penyelenggaraan lif ini dapat diselesaikan seberapa segera. Keempatnya, masalah piawaian yang tidak diikuti oleh pemaju-pemaju dalam membina rumah-rumah kos rendah ini telah menimbulkan masalah-masalah sosial. Saya ingin, mencadangkan di sini bagi unit-unit yang kosong ditukarkan menjadi *homework room* ataupun ruang-ruang yang boleh digunakan oleh anak-anak untuk melakukan kerja-kerja sekolah mereka and seliaan dipantau oleh sukarelawan-sukarelawan supaya mereka boleh mempunyai ruang yang sesuai untuk belajar dan melakukan kerja-kerja rumah. Saya juga ingin membangkitkan perkara berkaitan peruntukan yang diberikan kepada wanita sebanyak 1 Juta. Daripada penyelidikan dan juga *survey* yang dilakukan wanita-wanita yang mengalami keganasan rumah tangga salah satu sebabnya mereka tidak berdikari dari segi kewangan. Jadi mereka terpaksa berdepan dengan keadaan keganasan rumah tangga selama hidup mereka. Dan kita melihat wanita-wanita kerja di kilang-kilang juga, bekerja bertahun-tahun tapi pendapatan mereka masih di takuk yang lama. Jadi saya mencadangkan Jawatankuasa Hal Ehwal Wanita untuk memikirkan konsep SOHO (*small office home office*) diberi peluang kepada wanita-wanita terutama sekali yang tidak mempunyai pendapatan yang lain ataupun menambah pendapatan mereka, dapat menggunakan konsep SOHO ini bagi memberikan mereka berdikari dari segi kewangan. Konsep ini dapat memberikan kesedaran, pengenalan kepada mereka bahawa ada peluang-peluang mereka untuk menambah pendapatan mereka dan sekali gus memberi motivasi dan juga keyakinan diri bahawa mereka mempunyai kewangan sendiri dan pendapatan setiap bulan. Apabila set minda ini bertukar maka saya lihat masalah-masalah salah satunya keganasan rumah tangga terhadap wanita dapat dikurangkan.

**TUAN SPEAKER:** Masa sudah sampai

**YB PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Beri peluang sebab saya baru hendak cerita dua (2) perkara. Ada lagi dua (2) perkara. Saya akan pantaskan.

**TUAN SPEAKER:** Saya bagi seminit.

**YB PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Perkara ketiga yang saya ingin sentuh pengambilan balik tanah PK 20, saya ingin mencadangkan satu lot tanah ataupun satu tanah yang wajar diambil balik semula ialah lombong, bekas lombong di Taman Sri Manja di PJS 3 kerana lombong ini telah menimbulkan banyak masalah kepada penduduk dari segi keselamatan dan kesihatan. Dari segi ini sudah lebih 7 tahun masalah ini penduduk terpaksa hadapi dan kita lihat tidak banyak perubahan. Saya ingin mencadangkan Kerajaan Negeri mengambil semula bekas lombong ini dan ditukarkan menjadi tempat rekreasi, sangat-sangat diperlukan di kawasan khususnya Taman Medan kerana penduduknya yang begitu padat tetapi tiada ruang untuk berekreasi. Dan keempatnya, saya ingin menyentuh tentang peruntukan Jabatan Kerja Raya P12 iaitu di bawah membina jalan dan jambatan PK 3. Di sini diletakkan

ada cadangan di bawah kerja-kerja melebarkan jalan di seluruh Taman Medan. Saya ingin mensyorkan jalan wajar dilebarkan ialah jalan akan menerima kemasukan bilangan kenderaan bertambah yang akan dijangkakan 20 ribu kereta sehari selepas terbinanya penyambungan Mising Link yang menyambungkan Jalan Kinrara Seksyen 3, Jalan Sri Manja ke Taman Sri Sentosa dan Jalan Klang Lama kerana jalan yang sedia ada terpaksa menerima kemasukan kenderaan-kenderaan ini adalah jalan di dalam taman perumahan. Jadi, saya mensyorkan supaya Kerajaan Negeri memandang serius kerana ini menjadikan kesesakan yang sangat serius. Jadi dengan ini menyokong usul peruntukan pembangunan 2010. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Subang Jaya.

**YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN:** Terima kasih Tuan Speaker, memandangkan kita dalam bajet pembangunan 2010, Subang Jaya ingin memberi pandangan mengenai prosiding di dewan yang mulia ini kerana ini berkaitan dengan pembangunan pentadbiran. Tuan Speaker, yang saya perhatikan ADUN-ADUN memberi perbincangan bajet dan telah membangkitkan pelbagai isu mengenai keperluan penduduk DUN di kawasan masing-masing. Namun demikian banyak isu-isu yang dibangkitkan tidak mendapat jawapan yang teliti, malah ada yang langsung tidak ada mempunyai jawapan. Kami rasa ini tidak patut berlaku. Saya bagi satu contoh hari Khamis dan Jumaat yang lalu semasa ADUN-ADUN sedang berucap, kami memerhatikan ada pegawai-pegawai yang tidak hadir, kerusi-kerusi pegawai hampir kosong. Bagaimana pegawai-pegawai kerajaan boleh mendengar dan mengambil nota isu-isu yang dibangkitkan dan beri jawapan kepada barisan EXCO untuk menjawab. Ada juga isu-isu yang dijawab asyik dikaji dari tahun lepas hingga tahun ini kita masih sedang mendengar jawapan yang sama, permintaan kita akan dikaji. Ini tidak boleh diterima dan ini bukan satu cara kerja yang efektif. Saya bagi satu lagi contoh, CCTV. Setiap bulan PBT masih membayar lebih kurang 100 000.00 sebagai duit penyewaan CCTV. Setiap bulan yang ditanggung dalam masa kajian duit rakyat 100 000.00 akan terus dibelanjakan. Kita datang ke sidang dewan bukan setiap hari. Kita hanya datang beberapa kali setahun. Jadi saya rasa soalan-soalan dewan boleh diambil serius, teliti dan mempunyai lebih informasi boleh memanfaatkan rakyat. Saya juga berharap aspek pembangunan ini boleh diperbaiki. Ini dewan yang mulia seperti kita selalu ucapkan dalam perbincangan kita, jadi perkhidmatan yang harus diberikan untuk prosiding tidak boleh dipandang ringan dan memastikan isu-isu berkaitan rakyat Selangor boleh ditangani dengan efektif, tepat dan berkesan. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Baik, yang terakhir, Sijangkang.

**YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada saya membahaskan anggaran peruntukan pembangunan 2010. Saya merujuk kepada beberapa butiran-butiran di sini terutama P01 Menteri Besar dan SUK PK 2 Pembangunan Luar Bandar butiran 23000 Pembangunan Kampung. Terima kasih kerana pada kali ini diadakan peruntukan kemudahan asas desa, aktiviti pembangunan kampung dan penyelenggaraan jalan kampung. Saya melihat ada keperluannya di situ apabila kita lihat kemudahan-kemudahan asas selesai, balai raya-balai raya yang kebanyakannya keadaan yang cukup uzur, tambahan pula keadaan kerusi meja peralatan yang perlu di situ telah ditiadakan. Saya rasa, saya mahu penjelasan agihan-agihan peruntukan ini diagih-agihkan dan mengharapkan sekiranya RM3 Juta itu diberikan kepada 9 daerah maka hanya RM3 300.00 sahaja yang diperuntukkan untuk membaik pulih dan menambahkan peralatan-peralatan asas. Di sini juga kita lihat kepada keaktifan jawatankuasa dan keselamatan kampung pada hari ini dan aktiviti pembangunan kampung dilihat lesu dan saya lihat program-program yang dijalankan oleh jawatankuasa kampung juga nampak lesu. Jadi saya cadangkan di sini supaya diadakan satu peruntukan khusus kepada jawatankuasa dan keselamatan kampung untuk mereka

mengadakan program-program tertentu terutama program-program yang melibatkan masyarakat secara terus. Dan ini saya kira dapat membantu jawatankuasa kampung boleh mengaktifkan keadaan mereka dalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan kampung itu sendiri, Yang kedua, berkaitan P12 Jabatan Kerja Raya Selangor PK3 jalan-jalan dan jambatan. Kuala Langat mengucapkan terima kasih kerana ada peruntukan butiran 3303 Jalan Kampung Sawah ke jalan Teluk Panglima Garang dan saya mengharapkan ia nya berlaku pada tahun hadapan dan saya juga mencadangkan kaitan dengan naik taraf jalan dan jambatan PK 4 yang mana saya lihat jalan daripada Banting ke Jugra yang rasanya agak sesak pada masa ini kerana pembangunan yang berlaku di situ. Setakat ini TUDM, ada Institut Latihan Perindustrian dan Kolek Komuniti. Dalam pembinaan, Politeknik Banting, Pusat Rekreasi Banting, Sekolah Menengah Banting yang saya kira tidak lama lagi mungkin beroperasi dalam keadaan jalan yang saya rasa cukup sempit dengan penggunaan yang begitu tinggi. Saya rasa perlu naik taraf yang bukan agak segera dan perlu diadakan peruntukan itu. Dan saya lihat ada berlaku beberapa kenderaan yang terbabas masuk parit disebabkan jalan yang agak sesak dan perlu ada di situ. Saya juga agak gusar dengan keadaan jambatan yang menghubungkan Kampung Sawah dengan Teluk Panglima Garang yang mana sudah agak lama yang saya difahamkan kos pembinaannya adalah 20 Juta dan kini telah meningkat kepada 45 Juta dan sehingga kini pun saya melihat satu pembangunan yang agak laju di situ dengan alasan pada peringkat awalnya seolah-olah katanya tiang yang dibina itu selalu dilanggar oleh tongkang-tongkang yang membawa besi dan juga berlaku perubahan struktur di situ, peningkatan kos yang berlaku. Yang kedua berkaitan, yang ketiga adalah P13 Jabatan Pengairan Dan Saliran Selangor PK3 Rancangan Mencegah Banjir.

**TUAN SPEAKER:** Satu minit untuk habiskan. Satu minit. Satu minit.

**YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Saya melihat di Kuala Langat sekarang ini kerap berlaku banjir dan termasuklah kawasan Sijangkang dan juga kawasan-kawasan mukim Batu, yang mana saya dimaklumkan bahawa di mukim Batu ini tidak ada pun satu tali air dan ada dikatakan di situ lebih kurang 10 tali air begitu, kunci air. Saya minta maaf, kunci air dan mana satu kunci air itu melibatkan 1.5 Juta dan saya tidak melihat di situ untuk jangka masa panjang sudah tentulah kunci air ini diperlukan di situ. P14 Jabatan Agama Islam Selangor, sekolah-sekolah Sijangkang masih lagi mengharapkan Sekolah Menengah ada di DUN Sijangkang hanya ada 3 buah sekolah di samping 14 buah Sekolah Rendah yang ada di situ. Kita masih lagi mengharapkan sekolah-sekolah yang boleh didirikan di bawah kerajaan negeri Selangor iaitu Sekolah Menengah Agama, saya kira boleh didirikan di DUN Sijangkang. PK3 Masjid.

**TUAN SPEAKER:** Masa telah cukup. Terima kasih. Sekarang saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Menteri Besar memberi penjelasan.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih kepada Tuan Speaker, rakan-rakan dari Sekinchan, Teratai, Rawang, Kampung Tuanku, Hulu Kelang Batu Caves, Bangi, Bukit Malawati, Kajang, Taman Medan, Subang Jaya dan Sijangkang yang membangkitkan beberapa isu. Kepada Sekinchan, sudah tentulah cadangan mengenai pertanian berkelompok menjadi idea supaya mereka sama-sama bekerja secara bergotong-royong sebagai usaha melibat gandakan keluaran padi. Saya rasa itu satu cadangan yang boleh kita cuba laksanakan. Kepada Teratai, kiraan untuk cerun sudah kita ambil dan bajet itu termasuk pembiayaan cerun. Walau bagaimanapun, kita hendak mengadakan satu *abylision* yang jika didapati pemaju itu bersalah kosnya hendak dipindahkan kepada pemaju. Walau bagaimanapun, pembaikan mesti dibuat.

Kepada Rawang saya fikir masalah banjir ini jadi berterusan, bermakna ia bukan suatu perkara yang boleh kita selesaikan dalam masa yang agak singkat. Tetapi kita hendak cuba mengubah pemikiran JPS kerana ada jangkaan ataupun ada hipotesis yang mengatakan kalau ada JPS ini boleh, sungai ini boleh dibersihkan dengan cara penswastaan iaitu apabila ia bersihkan sungai dengan pasir diberikan kepada pengusaha tersebut, sungai itu dapat dibersihkan. Ia suatu hipotesis yang hasilnya menjadi antara sebab pengusaha itu asyik sibuk mencari pasir bukan membetulkan sungai. Ini suatu perkara yang kita hendak cuba selesaikan. Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Kampung Tunku adalah tiga perkara penternakan khinzir, pusat kebudayaan Cina, India dan Melayu dan open tender. Mengenai penternakan khinzir kajian sekarang sudah sampai ke suatu peringkat yang jawatankuasa hendak menemui pengusaha-pengusaha yang bersedia untuk membuat pelaburan dalam penempatan khinzir secara berpusat. Oleh sebab itu sebelum akhir tahun ini kita mungkin dapat beberapa keputusan.

Bagi sungai, perunding diminta untuk membuat kajian tentang pusat kebudayaan dan antara idea yang dikemukakan, iaitu apabila kita melakukan pembersihan Sungai Klang, antara rancangan tersebut kita masukkan dalam *plan* itu pembinaan pusat kebudayaan. Jadi itu dalam proses dan saya berharap dalam dua minggu yang mendatang ada penerangan yang kita hendak kepada Ahli-Ahli Parlimen, Ahli-Ahli Yang Berhormat mengenai *plan* Sungai Klang itu yang dibuat oleh *cleaner* dalam bentuk visual. Apakah yang kita letakkan di rizab Sungai Kelang itu? Kita perlu menunggu tentang usaha tersebut dan program membersihkan dan mencantikkan Sungai Kelang disertai dengan usaha memperlihatkan kebudayaan pelbagai bangsa yang menghuni di Kelang. Ia sama ertinya penghayatan Bangi mengenai Muzium dan seterusnya. Ulu Kelang membangkitkan isu tentang penyelidikan, tentang belanjawan dan seterusnya...Ini hendak kita lihat...

**YBTUAN LAU WENG SAN:** Tuan Speaker minta penjelasan bagaimana dengan Tender terbuka.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Tender terbuka, programnya sekarang dua tahun yang lepas. Sebelum 2008 terdapat satu perjanjian mengenai penswastaan setengah daripada projek yang dibuat oleh Jabatan Kerja Raya. Sekarang kita *envier that part* kalau itu berlaku baru ada tender tetapi pada dasarnya kita masih lagi tertakluk pada peraturan yang dibuat oleh Kementerian Kewangan yang memberi peluang juga kepada pengusaha-pengusaha Bumiputera yang layak dan berkeupayaan untuk menyertainya. Oleh itu, tender itu terbuka tetapi boleh disamakan dengan pekeliling yang dibuat oleh Kementerian Kewangan dan sebab apa kita buat begitu sekurang-kurangnya tiga ratus juta ringgit yang kita dapat daripada belanjawan yang Negeri Selangor pun datangnya daripada Kementerian Kewangan. Jadi kita nanti terangkan kepada Ahli-Ahli Dewan pada masa hadapan cara kita membawa daripada arah non-tender kepada open tender.

Kepada Ulu Kelang, proses belanjawan dan keterbukaan itu kita mula keluarkan dari semasa ke semasa, iaitu kita keluarkan maklumat untuk semua masyarakat tentang perkembangan yang berlaku dan tentang pemberian tanah, projek-projek yang diberikan kepada orang yang tidak sepatutnya mendapatnya dan seterusnya dan cara-cara penyelesaian.

Batu Caves membangkitkan tentang isu peruntukan yang tiap-tiap tahun sebelum ini kepada Sukan Negeri. Majlis Sukan Negeri ada mendapat peruntukan sebanyak enam juta dan daripada hasil penswastaan dan peruntukan itu diuntukkan kepada Majlis Sukan. Kerajaan Negeri sekarang mengkaji cara kita mencari peruntukan baharu untuk menampung peruntukan-peruntukan yang lepas. Dan ini tidak dimasukkan dalam belanjawan 2010 sebab kita masih



mengkaji peruntukan-peruntukan luar yang boleh kita masukkan dalam peruntukan 2010 sebab peruntukan tahun lepas pun tidak termasuk dalam Belanjawan Bajet. Peruntukan tahun lepas tidak ada peruntukan lima, enam juta itu sebab ia peruntukan daripada luar.

Kepada Bukit Melawati, saya berterima kasih tentang keprihatinan Bukit Melawati terhadap nasib nelayan. Cara mengatasinya itu bukan suatu perkara yang senang dan Kerajaan Negeri sudah memperuntukkan sejumlah dana untuk mengambil alih tanah-tanah yang kita rasa tidak daripada mereka yang menjalankan projek perusahaan tetapi tidak mengambil kira terhadap alam sekitar dan nasib rakyat miskin di persekitaran.

Pengalaman di Asam Jawa atau pun kampung tersebut yang dibangkitkan oleh Bukit Melawati menunjukkan masyarakat nelayan diabaikan sehinggakan sungai yang mereka boleh membawa sampan ke laut ditutup. Keperluan menutup itu dilakukan supaya kolam udang dapat dibuka. Dengan itu, kita hendak buat beberapa usaha supaya perkara ini tidak berlaku lagi.

Kajang membangkitkan konsep cara kawasan mengambil kira penempatan *library*, dan penempatan tempat-tempat masyarakat disatukan. Saya berpendapat pandangan ini perlu sebab kita juga hendak mencari, melihat bagaimana penggunaan tempat-tempat bacaan dan seterusnya dapat digunakan. Kalau tidak perbelanjaan kita terlalu banyak dan boleh jadi sasaran kita terlalu sedikit. Oleh itu, kita hendak cuba adakan semakan tentang penggunaan ini.

Taman Medan bangkitkan dua perkara yang saya hendak tekankan iaitu mengenai pengurusan lif. Kita cuba buat dan saya bersama-sama dengan EXCO perumahan hendak memikirkan cara lif dapat diuruskan di luar pengurusan rumah-rumah pangsa ataupun apartmen-apartmen kos rendah ini. Sebab saya dapati perkara ini masalah yang pertama, yang kita hadapi dalam pengurusan rumah-rumah pangsa apabila penghuni tidak hendak bayar pembaikan lif. Kedua, pengurusan dan pembaikan lif begitu tidak teratur sehinggakan lif suatu perkara yang menyebabkan perkelahian yang besar dan juga kerosakan yang banyak di kawasan-kawasan penempatan tersebut.

Mengenai wanita kita sudah catatkan dalam belanjawan dan kita hendak teruskan usaha, meningkatkan keupayaan kaum hawa. Subang Jaya menyentuh usaha untuk menyemak semula kontrak-kontrak CCTV, yang saya yakin sudah sampai ke peringkat penyelesaiannya. Sebab tender sudah ditutup dan sekarang masa untuk menilai semua tender, pentender-pentender dan saya agak tidak lama lagi kita tahu berapa mereka yang kita pilih dan proses pelaksanaan bermula. Bermakna, ia memakan masa agak lama kerana terdapat rundingan untuk menggunakan mereka yang diberi kontrak tetapi oleh kerana kontrak itu tidak begitu memberikan kelebihan kepada Kerajaan Negeri dan oleh sebab kontrak itu pun sudah dimaterikan secara tidak sepenuhnya. Ini agak sukar untuk diadakan rundingan sehinggakan berbulan-bulan rundingan dibuat tetapi penyelesaiannya tidak ada. Oleh itu, kita membuat keputusan untuk mengadakan *retender* dan tender yang sudah dijalankan...

Sijangkang sudah meneliti belanjawan ini dan mendapati banyak lagi yang perlu kita lakukan pada masa hadapan, dan dari sekarang kita hendak minta Ahli Dewan kita untuk menyertai mesyuarat pembangunan daerah dan di sanalah mereka boleh cuba mencari manakah kawasan-kawasan atau pun penempatan-penempatan ataupun prasarana yang perlu dibangunkan. Dan ini penting sebab kalau mereka dari sekarang sudah mengetahui bukan setelah bajet baru tahu dan kita boleh buat jangkakan *priority* yang patut kita buat. Walaupun tidak semestinya apa yang kita mahu itu boleh diperolehi tetapi sekurang-kurangnya kita tahu

mana yang mesti kita utamakan. Dan saya harap ini antara KPI kita dalam usaha menentukan yang kita benar-benar tahu kawasan-kawasan yang kita jaga. Dalam hal ini saya harap perkara ini saya rasa kualiti kita mula kita lihat dan soalan yang dikatakan peruntukan oleh Sijangkang ini disalurkan dari Pejabat Daerah ke UPEN. Oleh itu ADUN mesti kenal apakah UPEN (Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor). Kalau tak kenal jua UPEN maknanya dia belum tahu bagaimana nak lobi untuk keutamaan.

Kemudian tentang Muzium, saya percaya Yang Berhormat Gombak Setia dapat menerangkan seterusnya tentang isu Muzium. YB Sekinchan, saya ingat sudah. Dan untuk pusat kebudayaan Tionghoa, lokasi-lokasi yang dicuba juga ada lima enam dan kita boleh buat secara bertulis. Tuan Speaker, demikian penjelasan saya.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian adapun masalah di hadapan dewan ini ialah satu usul yang berbunyi “Bahawa menurut seksyen 4 sub seksyen 3 dan seksyen 9 Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 dewan ini membuat ketetapan bahawa peruntukan sebanyak Ringgit Malaysia Lima Ratus Sembilan Puluh Juta Empat Ratus Ribu yang dinyatakan dalam anggaran dalam Peruntukan Pembangunan 2010 yang dibentangkan di hadapan dewan mengikut Seksyen 4 sub 1 akta yang sama seperti mana yang terdapat di jadual hendaklah diluluskan.

P1	Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	218,000,000.00
P4	Perbendaharaan	16,000,000.00
P5	Perbendaharaan	1,000,000.00
P8	Jabatan Pertanian	12,000,000.00
P10	Jabatan Perhutanan	5,140,000.00
P12	Jabatan Kerja Raya	142,790,000.00
P13	Jabatan Pengairan dan Saliran	33,910,000.00
P14	Jabatan Agama Islam	123,501,000.00
P16	Jabatan Perancang Bandar dan Desa	2,418,000.00
P17	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	6,580,000.00
P27	Jabatan Kehakiman dan Syariah	872,000.00
P29	Perbendaharaan (perbelanjaan luar jangka)	28,189,000.00
	JUMLAH	590,400,000.00

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Usul ini dipersetujui.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sekarang saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Menteri Besar atau wakilnya untuk membawa usul.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya ingin membawa usul yang berbunyi seperti berikut: Bahawasanya dewan yang bersidang pada hari ini mengikut peraturan 11 dan 26 (4) dalam Peraturan Tetap Dewan Undangan Negeri Selangor membuat ketetapan untuk menangguhkan dewan pada hari ini sekarang.

**YB TUAN HJ. YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Speaker saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapat persetujuan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Usul ini dipersetujui. Dengan itu saya menangguhkan dewan sehingga hari esok 17 November 2009 jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

**( Dewan ditangguhkan pada jam 4.00 petang )**